

## BAB SATU PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Emas adalah merupakan sejenis logam ciptaan Allah SWT yang memiliki nilai yang begitu tinggi dan stabil sepanjang zaman. Keadaan ini dirakamkan oleh al-Quran bagi menyatakan nilai ketinggian emas dan memberi peringatan kepada manusia agar sentiasa berwaspada ketika berhadapan dengan aura emas supaya tidak terpengaruh dengan keseronokan duniawi sehingga melupakan akhirat. Ia dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT:

رُزِينَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ  
وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ  
حُسْنُ الْمَقَابِ ﴿١٤﴾

*Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: Kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).*

Surah al-‘Imran (3) : 14

Islam adalah agama yang tidak pernah menghalang umatnya untuk memiliki kekayaan apatah lagi sekiranya ia digunakan untuk tujuan kebaikan. Bahkan Islam sentiasa mendorong dan memberi motivasi kepada penganutnya untuk menjadi kaya dan berjaya. Kekayaan yang digalakkan oleh Islam bukan sahaja dari sudut harta semata-mata, tetapi merangkumi juga dari sudut-sudut yang lain seperti kekayaan dari sudut keilmuan, keimanan dan sebagainya. Kekayaan dari sudut harta yang disarankan oleh Islam adalah yang diperolehi dari sumber yang halal dan bersih. Memiliki harta yang datang dari sumber yang meragukan adalah ditegah oleh Islam. Kekayaan yang sebenar adalah kekayaan yang berpaksikan iman kepada Allah SWT dan mengikut segala sistem dan peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak tanpa wujud sebarang bentuk pengecualian. Selain menjalankan tanggungjawab mengeluarkan zakat apabila telah sempurna nisab dan *hawl* bagi harta yang

dimiliki, kekayaan akan menjadi lebih berkat dan diredhai sekiranya sebahagian dari harta tersebut digunakan untuk tujuan-tujuan kebajikan dan sosial, serta membantu aktiviti-aktiviti dakwah. Kekayaan yang menyebabkan seseorang itu menjadi bakhil dan sombong adalah amat dilarang oleh Islam.<sup>1</sup> Bahkan tanpa panduan dan pimpinan, kekayaan juga boleh menyebabkan seseorang itu menjadi lalai dan lupa sehingga boleh menjerumuskan manusia ke lembah yang fasiq dan kemaksiatan.<sup>2</sup>

Harta yang dimiliki oleh orang kaya padanya ada hak orang miskin. Kewajipan berzakat atas segala harta yang dimiliki adalah untuk diagihkan kepada orang miskin bagi merapatkan sedikit jurang antara orang miskin dan orang kaya. Ia juga dapat menyatukan *ukhwah Islamiyyah* dan mengikat kasih sayang sesama mereka. Ini adalah merupakan simbol perpaduan yang dianjurkan oleh Islam. Allah SWT berfirman:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

*“Dan pada harta-harta mereka itu ada hak bagi orang-orang miskin yang meminta-minta, dan orang-orang miskin yang tidak meminta-minta.”*

Surah al-Dhariyyat (51) : 19

Zakat adalah perintah Allah yang mempunyai hikmah yang besar untuk komuniti Islam sejagat. Kadar zakat yang dikenakan oleh syarak adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan harta yang masih tersimpan oleh pemilik selepas menolak semua kadar peratusan zakat yang wajib dikeluarkan. Inilah juga merupakan salah satu bukti keperihatinan Islam terhadap golongan kaya dan hartawan. Keengganan seseorang muslim untuk tunduk kepada perintah zakat boleh mengundang kemurkaan Allah SWT sepertimana yang terkandung di dalam firmanNya.

---

<sup>1</sup>Rasulullah saw bersabda yang bermaksud : "Tidak akan masuk syurga orang yang ada di dalam hatinya sebesar biji sawi daripada sifat kibir (sombong). Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1980), *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, c. 13. al-Maktab al-Islāmī, h. 950.

<sup>2</sup>Firman Allah bermaksud: "Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Dia juga yang menyempitkannya. Dan mereka (yang ingkar)bergembira dengan kehidupan dunia, sedang kehidupan dunia itu tidak lain, hanyalah kesenangan yang kecil dan tidak kekal berbanding dengan kesenangan hari akhirat." Sūrah al-Ra'd (13) : 26.

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ

أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

“Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab yang pedih.”

Surah al-Tawbah (9) : 34

Dalam Islam, zakat adalah merupakan instrumen ketiga yang utama dan penting dalam *arkan al-Islam al-Khamsah*. Ia memainkan peranan yang utuh dan kukuh bagi kegiatan pembangunan ekonomi dan muamalat dalam masyarakat Islam. Ia difardhukan pada bulan syawal tahun kedua selepas hijrah Nabi SAW ke Madinah al-Munawwarah.<sup>3</sup> Ia juga difardhukan selepas kefardhuan puasa dan zakat fitrah.<sup>4</sup> Kewajipannya adalah kepada manusia tetapi tidak diwajibkan kepada para Nabi dan Rasul (secara Ijmak), kerana hakikat zakat adalah membersihkan diri, sedangkan pada Nabi dan Rasul adalah terpelihara dari dosa dan kesalahan (*ma'sum*).<sup>5</sup> Selain bertindak sebagai suatu ibadat, ia juga menyumbang kepada sistem pentadbiran Islam dalam sesebuah negara. Ia bukan sekadar membantu menghasilkan dana untuk menyelesaikan dan meringankan bebanan orang-orang yang berada dalam kesusahan dan kemiskinan, malahan dapat menguatkan aktiviti-aktiviti dakwah serta membiayai *Jihad fi Sabilillah*.<sup>6</sup> Kepelbagaian fungsi zakat telah meletakkannya pada kedudukan yang unik dan dinamik. Dengan status ini para ulama telah membahaskan tentang peranan zakat bukan sahaja dalam bab ibadat tetapi juga dalam urusan pentadbiran negara.<sup>7</sup>

<sup>3</sup>al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad ‘Aus (1999), *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Mazāhib al-Arba‘ah*, Taḥqīq: Kamāl al-Jamal et al., j. 1, c. 1. Manṣūrah: Maktabah al-Īmān, h. 571. al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad (1999), *Nayl al-Awṭār, Syarh Muntaqī al-Akhyār min Ahādīth Sayyid al-Akhyār*, Taḥqīq: Kamāl al-Jamal et al., j. 4, c.1. Mansurah: Dār al-Īmān, h. 151. al-Zuhaylī, Wahbah (2012), *Mawsū‘ah al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qaḍāya al-Mu‘aṣirah*, j. 2. Damsyik : Dār al-Fikr, h. 645. al-Syarbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khatīb (t.t.), *al-Iqnā‘ fi Ḥal Alfāz Abī Syujā‘*, Taḥqīq: ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad, j. 1. Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 430.

<sup>4</sup>*Ibid.*, al-Zuhaylī, Wahbah (2012).

<sup>5</sup>*Ibid.*

<sup>6</sup>Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, h. xiii.

<sup>7</sup>*Ibid.*

Sumbangan dan kepentingan zakat terhadap umat Islam telah terbukti berdasarkan realiti yang wujud di zaman pemerintahan Islam. Kepentingan rukun Islam yang ketiga ini dapat difahami melalui gandingan kewajipan berzakat dengan kewajipan bersolat sepertimana yang terkandung di dalam surah al-Tawbah ayat 11 dan surah al-Baqarah di dalam ayat 43 serta di dalam surah dan ayat yang lain.<sup>8</sup> Bukan hanya sekadar itu, bahkan menurut para ulama keakraban dan penyatuan hukum antara kewajipan menunaikan solat dan kewajipan mengeluarkan zakat di dalam al-Quran dapat dilihat pada 82 tempat dalam surah-surah yang tertentu, dan juga ayat-ayat yang berlainan.<sup>9</sup> Malah, perintah mengeluarkan zakat sepertimana terkandung di dalam al-Quran yang menggunakan *sighah fi'il al-amr* (ayat menunjukkan kewajipan dan suruhan) ditemui pada 32 tempat dan ayat yang berlainan.<sup>10</sup> Inilah bukti paling nyata kedudukan dan martabat zakat yang mempunyai hubungan yang sempurna dengan solat yang dipaparkan dalam *kalamullah* bagi panduan umat Islam seluruh dunia supaya mentaati perintah mengeluarkan zakat tanpa sebarang bantahan.<sup>11</sup>

Berdasarkan kepada penjelasan ini, maka dapat diketahui bahawa institusi zakat adalah sangat berperanan dan berfungsi secara maksimum dalam menyusun dan menggerakkan sosio-ekonomi ummah bagi membina negara berwibawa dan dihormati oleh negara-negara lain. Justeru adalah amat penting untuk difahami pendekatan terbaik yang boleh digunakan sebagai misi bagi meningkatkan produktiviti institusi berikut.<sup>12</sup> Dalam konteks negara yang mempunyai struktur pentadbiran hal ehwal agama Islam yang tersendiri seperti di Malaysia, maka bidang kuasa pengurusan zakat yang melibatkan kutipan dan agihan serta apa-apa yang terkandung di dalam keduanya adalah terletak di bawah pengurusan dan pentadbiran Majlis Agama Islam mengikut negeri masing-masing.<sup>13</sup>

---

<sup>8</sup> Abd al-Karīm al-Zaydān (2004), *al-Zakāh wa Ahkāmuhā fī al-Islām*, Mu'assasah al-Risālah, h. 5.

<sup>9</sup> al-Zuhaylī, Wahbah (t.t.), *op.cit.*

<sup>10</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, *et.al* (2008), *Penentuan 'Uruf Pemakaian Emas Wanita Islam Di Negeri Sembilan*. Universiti Sains Islam Malaysia. h. 8.

<sup>11</sup> al-Zuhaylī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 2, c. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 733.

<sup>12</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (2001), *Kaedah Pengagihan Dana Zakat : Satu Perspektif Islam*. h.vi.

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 13.

Menurut Ibn Qudamah (1997),<sup>14</sup> Abu Muhammad Ibn Qutaybah telah berkata bahawa kalimah zakat adalah merupakan kata asal dari perkataan *الزكاة, النماء, الزيادة* yang memberi maksud bersih, besar dan tambah.<sup>15</sup> Dinamakan dengan nama tersebut kerana ia berfungsi untuk memberikan hasil kepada harta yang diperolehi oleh seseorang dan sekaligus dapat mengembangkannya menjadi jumlah yang lebih banyak.<sup>16</sup>

Dari sudut syariah, merupakan hak yang wajib atas segala kekayaan yang dimiliki oleh seseorang dan merupakan kewajipan yang ditetapkan secara *qat'i* (putus) oleh al-Quran berdasarkan kepada Surah al-Baqarah (2) : 43, dan dari al-Sunnah berdasarkan hadith Muaz Ibn. Jabal.<sup>17</sup> Malah, ia juga adalah merupakan suatu kewajipan dan kefardhuan yang ditetapkan secara Ijmak.<sup>18</sup> Telah berlaku Ijmak di kalangan para ulama dan seluruh kaum

<sup>14</sup>Ibn. Qudāmah (1997), *al-Mughnī*, Tahqīq: ‘Abd Allah ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad, j. 4, c. 3. Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, hh. 5-6.

<sup>15</sup>‘Abd al-Karīm Zaidān (1993), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, j. 1. Mū‘assasah al-Risālah, h. 343. Menurut beliau, zakat dari sudut bahasa memberi maksud *البركة*, *الصلاح*, *الزيادة*, *النماء*, *الطهارة*, *الصالح* iaitu berkat, berkembang, bertambah, suci dan baik. Muḥammad Khadarī (1968), *Tarikh al-Tasyrī‘ al-Islāmī*, c. 8, Dār al-Fikr, h. 46.

<sup>16</sup> al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad (1999), *op.cit.* h. 151. Ibn Qudāmah (1997), *op.cit.* h.5.

<sup>17</sup>Berdalihan Hadith ketika mana Rasulullah ingin menghantar Muaz ibn Jabal ke Yaman. Rasulullah saw telah bersabda:

ان النبي (ص) بعث معاذًا الى اليمن فقال انك تاتي قوما اهل كتاب فادعهم الى شهادة ان لا اله الا الله واني رسول الله فان هم اطاعوا... لذلك فاعلمهم ان الله افترض عليهم صدقة تؤخذ من اغنياءهم فتد في فقرائهم...

“*Ajarlah mereka bahawa sesungguhnya Allah S.W.T. telah mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) yang diambil dari orang-orang kaya di kalangan mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka.*” Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, Ta‘līq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, Hadith 1735, hh 309-310. Ibn. Qudāmah (1997), *op.cit.*

<sup>18</sup>al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad ‘Aus (1999), *op.cit.* hh. 571-572. Ibn Rusyd, Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad (2006), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, Tahqīq: Haytham Jum‘ah Hilāl, c. 1. Beirut: Muassasah al-Ma‘arif, h. 236. al-Zuhaylī, Wahbah (2012) *op.cit.* h. 646. Sepertimana yang diriwayatkan oleh Bukhārī daripada Abū Hurayrah yang berkata:

لما توفي رسول الله صلى الله عليه وسلم , وكان ابو بكر , وكفر من كفر العرب , فقال عمر كيف تقاتل الناس وقد قال رسول الله صلى الله عليه وسلم (امرت ان اقاتل الناس حتى يقولوا : لا اله الا الله فمن قال لا اله الا الله عصم مني ماله ونفسه الا بحقه وحسابه على الله) فقال ابو بكر : والله لاقاتلن من فرق بين الصلاة والزكاة , فان الزكاة حق المال , والله لو منعوني عقلا كانوا يؤدونه الى رسول الله صلى الله عليه وسلم لقاتلتهم على منعه. قال عمر بن الخطاب : فوالله ما هو الا ان رايت الله (عزوجل) قد شرح صدر ابي بكر للقتال , قال فعرفت انه الحق. (وقيل عقلا شاذ والمخفوظ عناقا)

“*Setelah wafatnya Rasulullah s.a.w. Abu bakar telah memerangi orang-orang yang berpaling dari membayar zakat. Umar pernah berkata kepada Abu Bakar: “Kenapa Engkau memerangi mereka sedangkan Rasulullah telah menyebut: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka menyebut Lailahaillallah, sesiapa bersyahadah, mereka mendapat pelindunganku terhadap harta dan diri mereka kecuali hak Allah Taala, maka Dialah yang membuat perhitungan.” Jawab Abu Bakar: Demi Allah! Sesungguhnya aku memerangi orang-orang yang cuba memisahkan antara solat dan zakat. Sesungguhnya zakat itu adalah hak bagi sesuatu harta. Demi Allah! Jika mereka enggan membayar zakat sedangkan mereka membayarnya ketika Rasulullah masih hidup, nescaya aku akan perangi mereka. Berkata Umar: Demi Allah! Aku lihat Allah telah memberikan faham tentang tindakan ini ke dalam hati beliau dan aku tahu sesungguhnya Abu Bakar itu berada*

muslimin bagi setiap zaman tentang kewajipan zakat, dan telah berlaku juga persepakatan oleh para sahabat r.a. tentang kewajipan memerangi orang-orang Islam yang enggan membayarnya.<sup>19</sup>

Emas atau *dhahab* adalah merupakan salah satu jenis zakat yang diwajibkan oleh syarak berasaskan kepada nilai yang terdapat padanya sepertimana kewajipan zakat atas perniagaan, ternakan, pertanian dan sebagainya. Kewajipan zakat atas emas adalah bersumberkan kepada dalil yang jelas dari *nas* sepertimana yang dipersetujui oleh para ulama sekiranya telah sempurna nisab dan sampai tempoh *hawlnya*. Bagaimanapun, tidak semua emas perlu dizakatkan. Para ulama berbeza pandangan terhadap hukum zakat atas emas yang menjadi perhiasan wanita. Jumhur berpegang kepada tidak wajib zakat atas emas tersebut, namun hukum tersebut bergantung kepada *kammiah* atau berat timbangan emas yang dipakai. Selagimana kuantiti tersebut tidak mempamerkan sesuatu yang luar dari budaya semasa bagi golongan wanita setempat, maka selagi itu juga hukum tidak wajib zakat kekal pada perhiasan tersebut. Apabila sesuatu yang menjadi kebiasaan telah dilangkai, maka pada ketika itu kewajipan zakat pun bermula mengikut sepertimana yang telah diperbahaskan secara terperinci di dalam kajian ini.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Para ulama telah bersepakat mengatakan bahawa sebarang bentuk perkakasan atau peralatan yang diperbuat daripada logam emas bagi kegunaan harian adalah haram digunakan oleh individu muslim.<sup>20</sup> Pengharaman ini adalah disebabkan amalan tersebut menonjolkan sikap kemegahan dan melambangkan sifat keangkuhan seorang manusia terhadap manusia yang lain.<sup>21</sup> Ia juga memperlihatkan suatu bentuk pemborosan dan pembaziran yang amat negatif

---

*dalam kebenaran.*” Abī Dāud Sulayman Ibn al-Asy‘ath al-Sajāstānī (t.t.) *Sunan Abī Dāud*, Ta‘līq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyād: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nasyr wa al-Tawzi‘, Hadith No. 1557, h. 267.

<sup>19</sup>Ibn. Qudāmah (1997), *op.cit.* hh. 5-6. al-Zuhaylī, Wahbah (2012) *op.cit.* h. 646.

<sup>20</sup>al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1980), *op.cit.* h. 96.

<sup>21</sup>Muḥammad Sulayman al-Asyqar (2004), *Abḥath Fiqhiyyah fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu‘āṣirah*, j. 2. Jordan: Dār al-Nafāis, hh. 564-565.

serta tidak terkawal.<sup>22</sup> Sifat sebegini sebenarnya amat dibenci oleh Islam dan hakikatnya amalan tersebut adalah berasal daripada luar dan tidak pernah wujud dan terpapar dalam lipatan sejarah kehidupan Rasulullah dan para sahabat.<sup>23</sup> Pengharaman yang ditentukan oleh syarak ini adalah bukan sahaja melibatkan kaum lelaki, tetapi ia juga melibatkan kaum wanita.<sup>24</sup> Bahkan ada sebahagian ulama yang mengatakan bahawa ‘illah bagi pengharaman tersebut selain daripada melambangkan sifat pemborosan dan kesombongan manusia, malah lebih dari itu, ia boleh menguris perasan orang-orang miskin yang berpotensi merangsang rasa iri hati dan hasad dengki mereka terhadap orang-orang kaya.<sup>25</sup>

Lantaran itu, sekiranya realiti ini tidak diambil perhatian oleh agama, maka sudah pasti tanpa kekuatan iman yang teguh dan mujahadah yang berterusan, situasi seumpama ini boleh menyumbang kepada aktiviti dan kegiatan tidak syar‘i yang lebih membimbangkan. Rasulullah SAW bersabda:

ولا تشربوا في ائانية الذهب والفضة ولا تاكلوا في صحافها فانها لهم في الدنيا ولنا في الاخرة

*“Janganlah kamu minum di dalam bekas emas dan perak. Dan janganlah kamu makan di dalam talam-talam emas (pinggan atau mangkuk). Sesungguhnya ia adalah untuk orang kafir di dunia dan untuk kita di akhirat.”*

(Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)<sup>26</sup>

Menurut ulama, pengharaman makan minum di dalam hadith di atas diqiyyaskan juga kepada bentuk-bentuk peralatan dan penggunaan yang lain.<sup>27</sup> Pengharaman ini terpacat kepada golongan lelaki dan wanita sekaligus. Sekalipun Islam melarang keras penggunaan logam emas dalam peralatan dan perkakasan untuk kegunaan seharian, namun para fuqaha telah sepakat mengatakan bahawa adalah harus hukumnya untuk golongan wanita berhias dengan perhiasan-perhiasan yang diperbuat daripada logam emas tersebut. Ini adalah

<sup>22</sup>Ibn. Qudāmah (1997), *op.cit*, h. 228.

<sup>23</sup>Muḥammad Sulayman al-Asyqar (2004), *op. cit*.

<sup>24</sup>Muḥṣafa al-Khin, Muḥṣafa al-Bugha, ‘Ali al-Syarbajī (1992), *al-Fiqh al-Manhajī ‘ala Mazhab al-Imām al-Syafi‘i*, j. 2. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 24. Menurut Ibn. Qudāmah, Pengharaman atas lelaki dan wanita adalah berasaskan kepada hadith yang bersifat umum. al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1980), *op.cit*.

<sup>25</sup>Ibn. Qudāmah (1997), *op.cit*. al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1980), *op.cit*.

<sup>26</sup>Muḥṣafa al-Khin, Muḥṣafa al-Bugha, ‘Ali al-Syarbajī (1992), *op. cit*.

<sup>27</sup>*Ibid*.

pengecualian yang diberikan oleh syarak kepada wanita bagi meraikan kecenderungan mereka terhadap solekan dan kecantikan.<sup>28</sup> Apatah lagi jika solekan tersebut dibuat untuk mata suami.<sup>29</sup> Dari Abdullah Ibn Zurair, beliau telah mendengar Ali Ibn Abi Talib berkata:

أخذ رسول الله (ص) حريرا بشماله وذهبا بيمينه ثم رفع بهما يديه فقال ان هذين حرام على ذكور  
امتي حل لاناثهم

*Aku melihat Rasulullah saw memegang sutera di tangan kirinya, dan emas di tangan kanannya, kemudian baginda mengangkat kedua-dua tangan tersebut dan bersabda: “Sesungguhnya kedua-dua barang ini (sutera dan emas), adalah haram atas kaum lelaki daripada umatku, dan diharuskan atas kaum perempuan di kalangan mereka”.*

(Riwayat Ibn Majah dan Tirmizi)<sup>30</sup>

Emas yang dimaksudkan oleh hadith ini adalah perhiasan emas untuk wanita muslimah memakai dan berhias dengannya. Begitu juga dengan perhiasan dari perak, ianya juga adalah diharuskan khusus kepada perempuan sahaja, dan tidak bagi lelaki kecuali cincin perak yang pernah dipakai oleh Rasulullah.<sup>31</sup> Walau bagaimanapun, perhiasan emas yang dibenarkan hanyalah perhiasan yang dipakai di bahagian-bahagian tertentu sahaja di tubuh badan wanita. Ia meliputi kawasan-kawasan yang telah makruf dan dimaklumi oleh semua masyarakat sebagai suatu kebiasaan pemakaian perhiasan ketika berada di dalam dan di luar rumah. Contohnya seperti subang di cuping telinga atau anting-anting, cincin di jari-jemari, gelang di pergelangan tangan, rantai di leher dan perhiasan yang dipakai di pergelangan kaki dan sebagainya. Manakala apa-apa perhiasan yang selain dari kawasan tubuh badan tersebut yang tidak dianggap sebagai ‘urf, maka ia juga dikira sebagai haram.<sup>32</sup> Menurut al-Imam al-Nawawi (2000) dalam *Rawdah al-Talibin*, bahawa perhiasan dan

<sup>28</sup>: Abd al-Karīm al-Zaydān (1993), *op.cit*, h. 348.

<sup>29</sup>Nihaya Rabii (2000), “Aḥkām al-Ḥullī fī al-Fiqh al-Islāmī” (Tesis Master, University Of Jordan) h. 12.

<sup>30</sup> al-Tirmizi, al-Imām al-Ḥāfiẓ Muḥammad bin ‘Īsa bin Sūrah (1417H.) *Sunan al-Tirmizi*, Ta’līq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyād : Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, Hadith No. 1720, h. 401. Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī (t.t.), *op.cit*, No. Hadith 3595. h. 599.

<sup>31</sup>: Abd al-Karīm al-Zaydān (1993), *op.cit*, h. 349.

<sup>32</sup>*Ibid.*, h. 350.



peralatan yang haram dipakai sama ada oleh lelaki atau wanita, hukumnya adalah berdosa serta diwajibkan zakat sepertimana yang telah ditetapkan oleh Ijmak para ulama.<sup>33</sup>

Emas dalam konteks simpanan atau perniagaan yang dimiliki oleh individu muslim adalah wajib dizakatkan sepertimana yang telah disepakati oleh para ulama berdasarkan dalil dari *nas*. Para ulama telah menetapkan hukum wajib mengeluarkan zakat atas emas tersebut apabila telah genap dan memenuhi syarat *hawl* selama tempoh setahun *qamariyyah*. Selain *hawl*, para ulama juga menetapkan bahawa logam tersebut perlu mencapai kadar nisabnya sekurang-kurangnya 85 gram timbangan emas dalam tempoh *hawl* tersebut. Ia menyamai kadar 20 *mithqal* atau bersamaan dengan 20 dinar.<sup>34</sup> Manakala kadar zakat yang perlu dikeluarkan pula adalah sebanyak *rubu' al-'usyur* iaitu 2.5 peratus dari jumlah emas yang dimiliki melebihi nisab. Menurut Ibn. Rusyd al-Qurtubi (520H-595H),<sup>35</sup> Majoriti para ulama menetapkan bahawa zakat diwajibkan ke atas emas, sekiranya cukup timbangannya sebanyak 20 dinar secara *ain* atau sebanyak 200 dirham (perak). Ini adalah pendapat dari mazhab Maliki, Syafi'i, Abu Hanifah dan Ahmad.<sup>36</sup> Fakta yang menjelaskan tentang nisab zakat emas sebanyak 20 dinar adalah berdasarkan al-Hadith dari 'Ali bin Abi Talib yang mengatakan Nabi SAW bersabda:

فاذا كانت لك مئتا درهم وحال عليها الحول ففيها خمسة دراهم. ليس عليك الشيء - يعنى في الذهب - حتى يكون لك عشرون ديناراً. فاذا كان لك عشرون ديناراً وحال عليها الحول ففيها نصف دينار فما زاد فيحاسب ذلك

*“Apabila kamu memiliki 200 dirham (perak) dan telah berlalu hawlnya, maka bagi kamu zakat sebanyak 5 dirham. Tidak ada apa-apa kewajipan atas kamu (yakni emas) sehinggalah kamu memilikinya sebanyak 20 dinar. Maka apabila telah kamu memiliki sebanyak 20 Dinar dan telah berlalu hawlnya, maka dan bagi setiap 20 Dinar itu zakatnya adalah sebanyak setengah Dinar. Maka apa yang lebih dari itu adalah mengikut kiraan yang serupa.”*

(Hadith riwayat Abu Daud)<sup>37</sup>

<sup>33</sup> Abī Zakariyyā Yaḥya bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyqī (2000), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, Taḥqīq: ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 121.

<sup>34</sup> al-Zuhaylī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, *op.cit.* h. 741.

<sup>35</sup> Ibn. Rusyd al-Qurtubī, Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad (2006), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, Taḥqīq: Haytham Jum‘ah Hilāl, Beirut: Muassasah al-Ma‘arīf, h. 246.

<sup>36</sup> Mālik bin Anas (1985), *al-Muwatta’*, Ta‘liq : Muḥammad Fuad ‘Abd al-Bāqī, Beirut : Dār Iḥya’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 246.

<sup>37</sup> Abī Dāud Sulayman Ibn al-Asy‘ath al-Sajāstānī (t.t.) *Sunan Abī Dāud*, *op.cit.* h. 271.

Menurut Imam Malik,<sup>38</sup> bersumberkan dalil dari al-Sunnah, maka tiada khilaf dan pertikaian yang berlaku di sisi mereka, bahawa zakat adalah diwajibkan pada ketentuan emas sebanyak 20 dinar secara ain, sepertimana ia juga diwajibkan ke atas harta sebanyak 200 dirham (perak). Menurut Muhammad Sulayman al-Ashqar (2004)<sup>39</sup>, nisab emas 20 dinar adalah ditentukan berdasarkan kepada amalan para sahabat r.a. yang berbuat demikian sepertimana yang diambil daripada amalan Rasulullah SAW ketika hayat Baginda, namun ia tidak disampaikan secara *lafzi* kepada umat terkemudian. Kedudukannya adalah berstatus Ijmak.<sup>40</sup> Menurut al-Nawawi (2000),<sup>41</sup> timbangan *mithqal* yang disebutkan di dalam al-hadith, adalah merupakan suatu timbangan yang telah diketahui oleh umum dan masyhur di kalangan masyarakat pada ketika itu bermula sejak di zaman *jahiliyyah* dan membawa kepada era Islam bertapak. Malah kadar tersebut telah diittifaqkan secara Ijmak sama ada di zaman Bani ‘Umayyah atau di zaman ‘Umar al-Khattab.<sup>42</sup> Rasulullah saw bersabda:

لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول

“Tidak dikenakan zakat ke atas harta kecuali apabila ia telah berlalu hawlnya.”  
(Hadith riwayat Ibn Majah)<sup>43</sup>

Dari Malik, dari Nafi‘, bahawa ‘Abd allah ibn ‘Umar pernah menyebut :

لا تجب في مال زكاة حتى يحول عليه الحول

“Tidak diwajibkan atas harta apa-apa kewajipan zakat kecuali apabila telah berlalu hawlnya.”  
(Diriwayatkan oleh Malik secara mauquf)<sup>44</sup>

<sup>38</sup>Mālik bin Anas (1985), *al-Muwatta’*, *op.cit.*

<sup>39</sup>Muhammad Sulayman al-Asyqar (2004), *Abhath Fiqhiyyah fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu‘āshirah*, *op.cit.*, h. 9.

<sup>40</sup>Menurut penulis, nisab emas dan perak adalah ditetapkan oleh syarak dan kadarnya pula telah diijmakkan secara sepakat oleh para ulama. Walau bagaimanapun, dalil hadith yang benar-benar sahih dan jelas hanya tertumpu kepada perak dan tidak kepada emas. Nisab emas adalah berdalilkan kepada amalan Para Sahabat secara Ijmak. *Ibid.* Sulaymān al-Ashqar (2004), h. 9.

<sup>41</sup>Abī Zakariyyā Yaḥya bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyqī (2000), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, *op. cit.*, h. 118.

<sup>42</sup>*Ibid.*, hh. 117-118.

<sup>43</sup>Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, *op.cit.*, h. 311.

<sup>44</sup>Mālik bin Anas (1985), *al-Muwatta’*, *op.cit.*, h. 246. Abī Dāud Sulaymān Ibn al-Asy‘ath al-Sajāstānī (t.t.) *Sunan Abī Dāud*, *op.cit.*, h. 272. Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud adalah sama sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam Malik tetapi berubah sedikit dari sudut ayat: (ليس في مال زكاة حتى يحول عليه الحول).

Isu pertama yang ingin dibahaskan di dalam penyelidikan ini adalah emas daripada kategori perhiasan. Ini adalah kerana terdapat perbezaan pandangan di kalangan para ulama tentang kewajipan mengeluarkan zakat dari sumber tersebut. Menurut mazhab Hanafi, zakat atas emas perhiasan adalah diwajibkan sama seperti emas-emas yang lain. Begitu juga dengan nisab dan *hawlnya*. Malah kadar peratusan zakat yang perlu dikeluarkan juga adalah sama. Jumhur di kalangan ulama-ulama mazhab yang lain pula berpegang kepada hukum sebaliknya iaitu tidak diwajibkan zakat, kecuali sekiranya perhiasan tersebut dipakai melebihi kadar normal pemakaian biasa. Ini merupakan isu kedua yang ingin diketengahkan dalam kajian ini. Pandangan ini juga disokong dan dipegang oleh mazhab al-Syafi'i yang menjadi ikutan mazhab di Malaysia. Penting diketahui bagaimanakah metode sebenar yang boleh digunakan bagi mengukur antara kadar normal dan kadar yang dianggap terkeluar daripada landasan '*urf*' tersebut. Lantaran itu, perlu wujud satu ketetapan yang menunjukkan batasan tersebut supaya tidak timbul sebarang keraguan dan pertikaian di kalangan anggota masyarakat.

Secara umum kita dapat ketahui, bahawa para ulama telah menyusun satu kaedah khusus bagi menangani permasalahan ini iaitu dengan menjadikan prinsip '*urf*' sebagai sumber tambahan, yang boleh diaplikasikan sebagai indikator bagi penetapan hukum yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat. Kaedah ini dibahaskan secara mendalam dalam ilmu *usul al-Fiqh* dan *qawa'id Fiqhiyyah* dan telah menyelesaikan pelbagai persoalan-persoalan fiqh semasa dari skop dan bidang yang berbeza-beza. Perbahasan mengenai autoriti '*urf*' adalah berbentuk subjektif sehingga menyumbang kepada perbezaan pandangan yang pelbagai dan terkawal di kalangan ulama. Inilah punca khilaf mereka mengenai kadar nisab emas perhiasan. Di Malaysia, Pusat Pengurusan Zakat dan Majlis Agama Islam Negeri telah bersepakat menetapkan bahawa kadar nisab bagi emas selain perhiasan adalah selaras dan seragam berdasarkan kepada 20 dinar berat timbangan emas, atau bersamaan dengan 20 *mithqal* sepertimana yang terkandung di dalam *nas*. Ia menyamai 85 gram berat timbangan emas semasa. Kadar peratus pengeluaran zakat tersebut juga adalah standard dan sama, iaitu

2.5 peratus daripada berat keseluruhan emas yang dimiliki melebihi nisab.<sup>45</sup> Justeru, persamaan antara negeri-negeri dalam konteks penentuan kadar nisab bagi emas selain perhiasan adalah jelas dan termaktub sepertimana yang dinyatakan di atas, namun perbezaan antara negeri-negeri dapat dilihat dengan jelas dalam konteks penentuan kadar nisab emas yang berlatar belakangkan perhiasan.

Majoriti negeri-negeri bersetuju dengan pandangan jumhur ulama termasuk al-Syafi'i yang menghukumkan bahawa tiada zakat atas perhiasan emas yang perlu dikeluarkan oleh pemakai, kerana meraikan hak dan keinginan wanita dalam berhias dan bersolek. Selanjutnya majoriti juga bersetuju dengan pandangan jumhur yang mengatakan bahawa hukum tersebut kekal selagimana emas yang dipakai tidak berlebih-lebihan sehingga melangkaui batas normal *'urf* pemakaian setempat, jika tidak, jumhur menetapkan bahawa ia perlu dizakatkan. Sekalipun jelas dilihat persepakatan negeri-negeri dalam menetapkan hukum dalam masalah ini, namun sebenarnya terdapat perbezaan ketara yang wujud antara institusi-institusi zakat dalam menetapkan kadar *'urf* di negeri masing-masing. Ini adalah isu ketiga yang ingin diketengahkan di dalam kajian ini. Persoalannya ialah, bagaimana perbezaan-perbezaan ini boleh timbul antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain walaupun berada di dalam sebuah negara, dan apakah punca yang menyebabkan terjadinya khilaf tersebut. Secara spesifik, kajian ini ingin memberi fokus dan melihat perbandingan metode dan konsep penentuan *'urf* bagi zakat emas perhiasan sepertimana yang wujud di Melaka dan Selangor. Kajian awal mendapati bahawa terdapat jurang perbezaan kadar yang ketara antara kedua-duanya walaupun jarak antara satu sama lain tidak begitu jauh, sedangkan perbezaan dari sudut-sudut yang lain tidak begitu ketara sepertimana yang dilihat dari budaya masyarakat, bahasa pertuturan, taraf hidup dan sebagainya sebagai asas kepada perbezaan kadar. Tidak dinafikan, wujud perbezaan-perbezaan tertentu di dalam budaya dan taraf hidup antara sebuah masyarakat dengan masyarakat Melayu di Malaysia, namun sekali

---

<sup>45</sup>Hamizul Abdul Hamid (2011), *Zakat Terapi Kekayaan*, c. 1, h. 281. Lihat juga Majlis Fatwa Kebangsaan, 12 Oktober 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my>.

imbas, ia kelihatan tidak terlalu menonjol sehingga boleh membawa kepada perbezaan kadar sebanyak empat kali ganda antara *'urf* di Selangor dan Melaka.

Penetapan kadar *'urf* yang berbeza antara negeri-negeri memberi impak kepada perubahan dalam konteks zakat sebagai kewajipan yang ditetapkan oleh syarak berpandukan pandangan Jumah. Semua negeri di Malaysia berpegang kepada *qawl* majoriti para ulama kecuali Perlis yang mewajibkan zakat sama seperti emas dari kategori simpanan dan perniagaan. Bagi tujuan perbandingan dan pendedahan maklumat mengenai perbezaan kadar *'urf* emas perhiasan, maka berikut adalah merupakan data yang diambil dari Jawatankuasa Penetapan Kadar 'Urf Emas Perhiasan Negeri Pahang, yang menunjukkan perbezaan *'urf* tersebut di kalangan wanita sepertimana yang ditetapkan oleh negeri-negeri berdasarkan laporan pada tahun 2008.

Jadual 1.1 : Jumlah Nisab Zakat Emas Perhiasan Negeri-Negeri Bagi Tahun 2008<sup>46</sup>

BIL	NEGERI	JUMLAH NISAB
1	Perlis	170 gram
2	Kedah	170 gram
3	Pulau Pinang	165 gram
4	Perak	500 gram
<b>5</b>	<b>Selangor</b>	<b>800 gram</b>
6	Wilayah Persekutuan	150 gram
7	Negeri Sembilan	850 gram (Kadar lama)200 gram (Kadar baru)
<b>8</b>	<b>Melaka</b>	<b>RM5000</b>
9	Johor	850 gram
10	Pahang	200 gram
11	Terengganu	150 gram
12	Kelantan	Tiada urf
13	Sabah	RM5000
14	Sarawak	775 gram

Sumber : Kajian Penetapan Uruf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur 2008.

## 1.1 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada tiga isu yang diketengahkan dalam latar belakang permasalahan sebelum ini,<sup>47</sup> maka timbul pelbagai persoalan yang membawa kepada perbincangan dan

<sup>46</sup>Laporan Kajian Penetapan Uruf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur 2008.

<sup>47</sup>Tiga isu tersebut adalah, Pertama: para ulama berbeza pandangan mengenai hukum zakat atas emas perhiasan. Kedua: Jumah ulama termasuk al-Shafi'i bersepakat mengatakan bahawa tiada zakat kecuali jika melebihi batas *'urf* dan kebanyakan institusi zakat di Malaysia berpegang kepada pandangan ini. Ketiga: Wujud Perbezaan kadar *'urf* antara negeri-negeri khususnya di Melaka & Selangor.

penyelidikan ini. Semua persoalan tersebut adalah merupakan sebab mengapa kajian ini dilaksanakan dan seterusnya diharapkan dapat memberi kefahaman dan pendedahan maklumat kepada masyarakat berkaitan isu-isu yang dibangkitkan. Oleh itu, Persoalan kajian yang ditimbulkan dalam kajian ini tertumpu kepada beberapa perkara yang menjadi keutamaan. Di antara perkara-perkara yang ingin dikaji, ialah kaedah dan konsep penentuan 'urf yang dilihat menerusi perspektif Islam. Persoalan ini perlu dikaji dan difahami kerana 'urf adalah merupakan suatu ilmu yang telah disusun secara sistematik oleh para ulama bagi mendapatkan solusi hukum yang tepat mengikut arus semasa. Ia perlu diputuskan dengan berhati-hati berasaskan orientasi syarak secara umum kerana hukum tersebut tidak terdapat dalilnya secara khusus di dalam *nas*. Ia sangat penting digali supaya penentapan hukum yang dibuat tidak tersasar jauh dari prinsip *maqasid syar'iyah* yang bermisikan menjaga kepentingan umum, dan dalam masa yang sama berperanan bagi menghilangkan kemudharatan dan kesulitan kepada masyarakat tanpa sama sekali membelakangkan *nas* sedia ada. Perbincangan mengenai 'urf akan menjangkau kepada beberapa perbincangan bagi menjelaskan maksud dan pengertian 'urf, syarat-syarat penerimaannya, isu-isu yang bersandarkan kepada hukum 'urf dan sebagainya. Metode yang digunakan oleh para ulama dalam menyelesaikan persoalan 'urf semasa akan dipaparkan sebagai indikator untuk diqiyyaskan kepada permasalahan emas perhiasan. Selain itu, persoalan kajian juga menjangkau kepada menganalisa formula yang diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Selangor dan Pusat Zakat Melaka bagi menentukan kadar 'urf pemakaian emas di negeri masing-masing. Tinjauan terhadap formula tersebut dapat melihat sejauh mana pengetahuan tentang 'urf masyarakat ini difahami, dan diterjemahkan di dalam pengurusan zakat khususnya yang melibatkan kaedah penentuan kadar 'urf bagi zakat emas perhiasan. Tanpa kefahaman yang mendalam mengenai hukum ini lebih-lebih lagi melibatkan individu-individu pembuat dasar akan mengakibatkan sesuatu keputusan yang dihasilkan itu diragui dan boleh dipertikaikan.

Persoalan juga melihat kepada perbezaan yang wujud antara Majlis Agama Islam Selangor dan Pusat Zakat Melaka dalam menentukan *'urf*, dan mengkaji dan membuat perbandingan justifikasi yang digunakan oleh institusi berkenaan bagi menentukan jumlah tersebut. Apakah sebenarnya wujud kajian tertentu yang telah dibuat oleh kedua-dua organisasi ini bagi menetapkan hukum, atau mungkin juga wujud perbincangan ilmiah antara tokoh-tokoh agama di negeri tersebut, atau mungkin sebaliknya.

Tanpa kita sedar, perbezaan ini sebenarnya mengundang beberapa unsur negatif kepada anggota masyarakat sekiranya tidak diberikan penjelasan sewajarnya. Masyarakat adalah orang awam yang merasa sangat bimbang sekiranya tersilap dalam urusan agama mereka. Hakikat ini perlu disedari oleh semua organisasi keagamaan supaya mereka lebih berhati-hati dalam membuat dan mengeluarkan sesuatu keputusan yang melibatkan hukum. Masalah ini juga boleh berlaku kepada golongan yang migrasi bekerja di negeri lain, dan mungkin tertanya-tanya kadar negeri manakah yang perlu diikuti. Bahkan, mungkin berlaku masyarakat yang mengambil kesempatan atas perbezaan ini dan mencipta fatwa sendiri (mungkin sama dan mungkin tidak dengan kadar yang ditetapkan Majlis Agama Islam Negeri) sehingga menyebabkan berlaku keculasan dari sudut pengamalan Islam dan masing-masing akan mencari tempat tertentu yang lebih menguntungkan mereka. Realiti ini amat merugikan umat Islam dan perlu ditangani segera.

Dari sudut ilmiah dan bidang keintelektualan, perbezaan ini seharusnya dapat memberikan pelbagai sumbangan dan berperanan dalam konteks perkembangan ilmu dan pemikiran Islam secara global, namun jika ia tidak berpaksikan kepada kepakaran dan kemahiran individu yang terlibat, atau mungkin jika situasi ini tidak dikawal dengan baik akan memberikan imej yang buruk terhadap institusi Islam di negara ini. Atas dasar itu, pengkaji merasakan perlunya kepada kajian yang mendalam bagi tujuan menghasilkan hukum tentang persoalan ini yang lebih praktikal. Secara ringkasnya persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah maksud konsep atau kaedah penentuan *'urf* di sisi Islam.

2. Apakah kaedah penentuan *'urf* untuk menentukan zakat bagi emas perhiasan
3. Apakah metode yang digunakan oleh LZS (MAIS) dan PZM dalam menentukan nisab zakat emas Perhiasan di Selangor dan Melaka
4. Apakah punca perbezaan kadar antara LZS (MAIS) dan PZM yang boleh mengundang tanda tanya masyarakat.

Ilmu tentang *'urf* dan kaedah perlaksanaannya yang terkandung di dalam *qawa'id fiqhiyyah* dan *usul fiqh* perlu dikupas secara mendalam bagi memastikan hukum yang terbina daripada justikasi *'urf*, dapat benar-benar difahami dan dijelaskan selari dengan kehendak syarak dan mengikut spesifikasi yang telah ditunjukkan oleh para ulama. *'Urf* juga perlu dikaji dan diteliti secara menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai situasi yang membentuk budaya sesuatu bangsa dan masyarakat, supaya tidak timbul sebarang bentuk kesilapan dalam menilai isu. Penentuan kadar nisab bagi zakat emas perhiasan tidak mungkin dapat diperolehi secara tepat dan adil kecuali melalui perantaraan hukum *'urf*. Para ulama telah mengupas begitu luas konsep *'urf* sehingga menyusun suatu kaedah khusus bagi menjawab pelbagai persoalan yang berkaitan realiti semasa. Organisasi yang terlibat dalam permasalahan ini perlu mengemukakan hujah dan bahan rujukan yang digunakan, supaya metode yang diguna pakai sebagai indikator penentuan *'urf* di negeri masing-masing benar-benar jelas dan boleh diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat. Daripada pendedahan kaedah yang dipraktikkan oleh organisasi-organisasi yang terlibat, boleh menjelaskan dengan terperinci punca-punca perbezaan kadar yang berlaku di Malaysia. Lantaran itu, dengan mengenal pasti punca khilaf yang berlaku, sudah pasti dapat memudahkan usaha perbincangan dan penyatuan dilakukan dengan lebih mudah dan fokus. Perbezaan yang berlegar di tengah masyarakat disebabkan oleh budaya-budaya tertentu boleh diterima dan diraikan dalam konteks sebuah negeri dengan negeri yang lain. Namun, ia perlu dikawal dan diperhalusi oleh semua organisasi yang terlibat demi keharmonian dan kesejahteraan pengamalan Islam di Malaysia.



### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan kepada latar belakang masalah dan juga pelbagai persoalan kajian yang dipaparkan, maka kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif yang telah dirancang seperti butiran berikut:

- 1.3.1 Membincangkan hukum '*urf*' menurut perspektif Islam
- 1.3.2 Menjelaskan kaedah penentuan '*urf*' terhadap emas perhiasan.
- 1.3.3 Mengkaji dan menganalisis metode yang digunakan LZS (MAIS) dan PZM.
- 1.3.4 Membuat perbandingan perbezaan kadar '*urf*' antara LZS (MAIS) dan PZM.

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Bagi memantapkan penjelasan hukum tentang tajuk ini, maka kajian perlu dijalankan dan hasil kajian tersebut perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab ini kerana kefahaman masyarakat tentang isu ini masih samar-samar di kalangan wanita Islam di Malaysia. Justeru, sekalipun ketetapan mengenai perkara tersebut telah diwartakan oleh Jabatan Mufti bagi negeri-negeri tertentu, namun penjelasan tentang perkara tersebut perlu dipergiatkan dan sangat perlukan kepada kajian yang mantap untuk mengatasi kekurangan tersebut. Kelemahan ini juga dapat dikesan apabila terdapat pindaan tertentu dibuat secara tiba-tiba dan hasilnya mengejutkan dengan perbezaan kadar yang begitu berbeza dengan kadar yang lama. Pelbagai tanggapan dan tafsiran boleh dibuat dalam situasi ini. Apa pun persepsi masyarakat terhadap isu ini maka kajian perlu dibuat bagi memperkemaskan lagi hukum sedia ada supaya salah faham tersebut dapat diminimakan sebanyak mungkin. Sekalipun isu ini dilihat kurang menyerlah di negara-negara tertentu, namun berbeza dengan realiti yang wujud di Malaysia kerana pengaruh pengamalan Islam semakin hari semakin meningkat dan menyumbang kepada pemerksaan terhadap bidang keagamaan. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh isu ini

dapat mendedahkan kepentingan ijtihad dalam konteks pembinaan hukum mengikut realiti semasa kepada masyarakat Islam di Malaysia. Di samping itu juga, kajian ini dianggap penting kerana buat masa ini belum ada kajian dan penyelidikan mengenai tajuk ini yang telah dibuat secara mendalam khususnya di Selangor dan Melaka, apatah lagi kajian ini akan mendapatkan pandangan dari Jabatan Mufti kedua-dua negeri tersebut yang bertindak selaku pembuat dasar bagi fatwa yang berkaitan. Kajian ini berbeza dengan kajian yang pernah dibuat oleh Jawatankuasa Kajian 'urf Emas Pakai Negeri Pahang kerana kajian tersebut menggunakan metodologi kuantitatif dengan menumpukan kepada negeri pahang sahaja dan tidak kepada negeri-negeri yang lain. Begitu juga kajian yang sama telah dibuat di Negeri Sembilan dengan hanya memberi *tumpuan* kepada budaya pemakaian emas di kalangan wanita di negeri terbabit berdasarkan soal-selidik yang dijalankan. Manakala kajian ini pula menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan dan temubual secara langsung, melibatkan pihak-pihak berwajib selaku pembuat dasar yang bertindak sebagai kilang pengeluar fatwa dari pejabat-pejabat mufti. Temubual juga melibatkan kumpulan-kumpulan pelaksana dari Majlis Agama Islam Negeri yang terletak di bawah tanggungjawab unit dan bahagian di Pusat Pengurusan Zakat.

Kajian ini juga boleh menjadi pengikat dan pencetus kepada semua organisasi zakat dan fatwa di seluruh negara untuk kembali melihat dan membuat kajian terperinci tentang 'urf terhadap emas perhiasan di negeri masing-masing, seterusnya bermuzakarah bagi menyemak kembali kadar 'urf terkini yang kelihatan wujud jurang perbezaan kadar yang ketara antara negeri-negeri kepada suatu ketetapan yang lebih harmoni dalam konteks sebuah negara. Malah hasil penyatuan pemikiran antara negeri-negeri atas isu iaitu bagi mengimbangi kadar 'urf seluruh negara boleh menjadi tapak kepada kesatuan pemikiran dan perlaksanaan dalam isu-isu lain. Mudah-mudahan kajian ini boleh menambahkan lagi koleksi bahan bacaan yang ada di pasaran bagi merujuk perkara berkaitan zakat emas perhiasan.

## 1.5 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini akan memberi fokus secara terperinci kepada metode yang digunakan oleh Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Zakat Melaka bagi menetapkan kadar nisab atau kadar *'urf* zakat emas perhiasan di Melaka dan Selangor. Melalui penelitian terhadap metode yang dipraktikkan oleh kedua-dua jabatan ini dapat membantu mengenal pasti punca sebenar perbezaan kadar tersebut di antara kedua-dua buah negeri. Fokus yang akan dikupas adalah melibatkan perbahasan zakat emas dalam konteks perhiasan semata-mata, dan tidak akan membahaskan mengenai zakat emas dari konteks-konteks yang lain. Ini adalah disebabkan oleh persepakatan para ulama dalam penentuan hukum mengenai zakat emas selain perhiasan telah diputuskan sekian lama. Khilaf di kalangan para ulama dan mujtahid hanya wujud dalam permasalahan emas perhiasan sahaja. Kajian juga tidak akan membahaskan tentang *harir* (sutera) dan *fiddah* (perak) kepada wanita sekalipun kedua-dua kalimah tersebut digabungkan dengan emas di dalam hadith-hadith tertentu. Manakala Institusi yang terlibat dalam kajian ini pula ialah hanyalah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan Pusat Zakat Melaka (PZM) semata-mata. Penekanan yang diberikan pula adalah merangkumi perbincangan demi perbincangan tentang kajian *'urf*, khusus sepertimana yang terdapat di negeri Selangor dan Melaka. Fokus kajian tidak merentasi kepada negeri-negeri yang lain. Begitu juga kupasan secara menyeluruh pandangan-pandangan ulama terhadap isu ini adalah dengan menumpukan kepada pendapat-pendapat yang muktamad di sisi jumhur fuqaha sahaja yang menjadi ikutan dan amalan mazhab di Malaysia. Pandangan-pandangan yang menolak pandangan ini tidak akan dikupas oleh pengkaji kerana ia telah ditolak oleh jumhur dengan hujah-hujah yang tertentu. Sehubungan itu, berasaskan kepada isu ini, maka jumhur ulama telah bersetuju menetapkan hukum, bahawa tiada zakat atas perhiasan emas yang dipakai oleh golongan wanita Islam kecuali jika emas tersebut dipakai melebihi *'urf* dan melampaui batas kebiasaan sesebuah masyarakat. Memakai emas dalam jumlah yang banyak memperlihatkan unsur-unsur negatif yang boleh membawa *darar* kepada golongan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang sehingga menyumbang kepada

perubahan hukum di sisi jumbuh. Di sisi mazhab hanafi pula berpegang kepada hukum sebaliknya yang menetapkan bahawa kewajipan zakat perhiasan emas adalah sama sepertimana emas dari jenis yang lain seperti simpanan atau peniagaan. Kadar peratusan pengeluaran zakatnya adalah juga sama iaitu 2.5 peratus dari jumlah emas yang dimiliki melebihi nisab 85 gram. Terdapat pandangan lain yang mengatakan bahawa pengecualian hukum zakat atas emas perhiasan adalah secara mutlak, dan tidak terikat langsung dengan batasan dan limitasi tertentu dalam konteks *'urf*. Kenyataan ini berlawanan dengan prinsip syarak yang menganjurkan kesederhanaan dalam semua urusan yang melibatkan kehidupan seperti ketika makan, minum atau berpakaian. Islam melarang perhiasan yang keterlaluan tanpa batas-batas tertentu kerana menonjolkan imej *tabarruj* yang dilarang di dalam Islam.<sup>48</sup> Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa zakat bagi emas perhiasan hanya perlu dikeluarkan oleh pemilik sekali sahaja seumur hidup. Kedua-dua pandangan ini tidak akan disentuh oleh pengkaji kerana kedua-duanya dianggap sebagai pandangan terpencil yang tidak mewakili kumpulan ulama yang besar. Selain *'urf*, pengkaji menjadikan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan Pusat Zakat Melaka sebagai organisasi utama yang diberi perhatian untuk membuat perbandingan ketepatan hukum berdasarkan *'urf*. Info yang diterima daripada kedua-dua buah organisasi terbabit mampu memberikan penjelasan terperinci tentang kaedah yang dirujuk dan diguna pakai sebagai metode penentuan *'urf* di sana. Hasilnya perbandingan metode dan ketepatan hukum *'urf* dapat dianalisa bagi menjawab persoalan kajian.

Data-data yang diperolehi adalah diambil terus dari pihak pengurusan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan Pusat Zakat Melaka termasuk juga pandangan dari Jabatan Mufti Negeri selaku organisasi yang bertanggungjawab dalam pengeluaran fatwa. Pengkaji memilih negeri Selangor dan Melaka kerana melihat belum wujud kajian secara khusus

---

<sup>48</sup> Berdasarkan pandangan yang dipegang oleh Ibn. Hamid sepertimana yang dinukilkan oleh Ibn. Qudamah di dalam kitabnya *al-Mughnī* yang menyebut bahawa hukum perhiasan emas atau perak adalah harus sekiranya emas yang dipakai tidak melebihi 1000 mithqal. Namun menurut beliau, Jika perhiasan tersebut melebihi kadar 1000 mithqal, maka hukumnya adalah dilarang dan diharamkan di samping diwajibkan zakat atas perhiasan tersebut. *Ibid.* Ibn. Qudamah (1997), *al-Mughni, op.cit.* h. 228. Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1980), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām.* h. 222.

tentang *'urf* zakat emas perhiasan di Selangor dan Melaka yang pernah dibuat oleh mana-mana pihak sepertimana maklumat yang disalurkan oleh Jabatan Mufti Selangor dan Jabatan Mufti Melaka, kecuali terdapat beberapa kertas kerja cadangan yang pernah dihantar ke Pejabat Mufti tersebut bagi tujuan memohon fatwa terhadap kadar *'urf* yang dicadangkan. Pengkaji memilih Lembaga Zakat Selangor (MAIS) kerana negeri Selangor adalah merupakan satu-satunya negeri yang memperkenalkan kadar *'urf* pada timbangan 800 gram. Manakala Pusat Zakat Melaka pula dipilih kerana melihat kepada beberapa pindaan *'urf* yang pernah dibuat secara drastik dalam tempoh yang agak singkat berbanding negeri-negeri yang lain (RM5000, 120 gram dan 200 gram). Di samping itu, jurang perbezaan kadar *'urf* antara Selangor dan Melaka menyebabkan pengkaji ingin melihat dan mengkaji dengan teliti apakah metode dan justifikasi yang digunakan oleh kedua-dua pihak sehingga meyumbang kepada penetapan kadar *'urf* yang sangat berbeza antara kedua-duanya.

## **1.6 SOROTAN LITERATUR**

Sorotan literatur merupakan faktor terpenting yang perlu diambil perhatian oleh semua pengkaji dalam apa-apa bidang yang ingin dikaji sebelum membuat sesuatu penyelidikan. Ini bagi memastikan kajian yang akan dibuat tidak berlaku sebarang pertindihan dengan kajian-kajian yang lain. Sorotan ini melibatkan kajian-kajian lampau dan juga kajian-kajian berbentuk semasa. Berdasarkan kepada tajuk yang dipilih iaitu “Penentuan *'Urf* Zakat Emas Perhiasan : Analisis Perbandingan Majlis Agama Islam Selangor dan Pusat Zakat Melaka”, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa kajian secara umum menyentuh keseluruhan perlaksanaannya di seluruh negeri memang wujud, namun kajian secara khusus dan mendalam melibatkan perbandingan metode dan realiti pengiraan sebenar zakat emas perhiasan di Selangor dan Melaka masih belum dibuat. Di samping itu, terdapat banyak penulisan yang menjurus kepada *'urf* telah dikaji dengan pelbagai gaya dengan menyentuh aspek-aspek lain secara umum tanpa mengaitkannya dengan perhiasan emas. Terdapat juga kertas-kertas kerja yang membincangkan isu ini, namun tidak mendasari tajuk yang dipilih

oleh pengkaji khususnya yang melibatkan negeri Selangor dan Melaka. Tambahan pula, terdapat banyak kajian di pasaran yang memfokuskan kepada pelbagai isu-isu zakat dan dibincang secara meluas melibatkan umum dan khusus, namun isu tersebut tidak menjurus kepada tajuk yang dipilih oleh pengkaji. Kebanyakan isu zakat menyentuh pelbagai bab dan aspek sama ada dari sudut bidang kuasa, fungsi dan peranan, sistem kutipan, kaedah agihan, muamalat Islam, aspek ibadat dan sebagainya.

Pengkaji membahagikan kajian-kajian terdahulu kepada beberapa kategori iaitu *'urf*, zakat, emas perhiasan, termasuk juga fatwa. Kajian terdahulu tentang fatwa dimasukkan sebagai *literatur review* kerana sesuatu keputusan tentang zakat yang dicadangkan oleh mana-mana pihak, perlu dinilai melalui proses fatwa sepertimana yang telah ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Terlalu sedikit kajian-kajian yang dibuat sebelum-sebelum ini yang memfokuskan kepada emas perhiasan. Kebanyakannya lebih terfokus kepada *'urf* dan zakat. Terdapat juga beberapa penulisan yang menyentuh persoalan ini secara langsung, namun kebanyakan isu-isu *'urf* emas perhiasan yang disentuh dan diketengahkan, adalah dibuat secara umum berdasarkan amalan negeri-negeri yang menetapkan kadar yang berbeza. Malah, tidak ada penulis di Malaysia yang menulis tentang *'urf* emas perhiasan, menyedari bahawa terdapat kajian *'urf* yang pernah dibuat di Selangor dan kaitannya dengan pihak Istana pada tahun 2004. Kesemua tulisan mengatakan bahawa Selangor tidak pernah membuat sebarang kajian *'urf* bagi menetapkan fatwa terbabit.

Berikut adalah merupakan kajian-kajian yang pernah ditulis dan menjurus ke arah tajuk kajian yang dipilih. Antaranya ialah, laporan penyelidikan yang dibuat oleh Hasan Bahrom, Mohd Sirajuddin Siswadi Putera Muhamed Shith, dan Hajar Opir (2012),<sup>49</sup> bertajuk, “Kadar Penentuan Uruf Zakat Perhiasan Emas di Malaysia”. Penulis melihat secara umum tentang penentuan kadar uruf bagi emas perhiasan, dan dasar yang digunakan sepertimana yang dipaparkan oleh negeri-negeri di Malaysia. Menurut penulis, setiap negeri menentukan kadar nisab zakat emas dan perak berpandukan kepada keputusan fatwa yang

---

<sup>49</sup>Hasan Bahrom, Mohd Sirajuddin Siswadi Putera Muhamed Shith, Hajar Opir (2012), *Kaedah Penentuan Uruf Emas Dalam Zakat Perhiasan*, Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ).

telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri berkenaan. Malah menurut kajian ini, keputusan meletakkan kadar *'urf* yang dibuat oleh negeri-negeri hanya berdasarkan kepada pandangan dan pendapat ulama terdahulu. Kajian tersebut tidak memfokuskan secara terperinci metode yang digunakan oleh LZS (MAIS) dan Pusat Zakat Melaka bagi mendapatkan *'urf* di Melaka dan Selangor. Setelah dikaji, kedua-dua organisasi ini dilihat telah mengalami pelbagai transformasi terhadap metodologi yang digunakan bagi penetapan *'urf* tanpa terikat lagi dengan pendapat-pendapat silam. Begitu juga kertas kerja yang ditulis oleh Syed Mohd Azmi Syed Abd Rahman, Ahmad Tirmizi Taha dan Zaharah Salawati Baba dan Habsah Muda (2010).<sup>50</sup> Penulis membincangkan tajuk: “Perspektif Ulama Tentang Kadar Pemilikan Dan Pemakaian Perhiasan Emas Dalam Penentuan Kefardhuan Mengeluarkan Zakat”. Kertas kerja ini dibentangkan di The Forth ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010) bertempat di USM Malaysia. Fokus yang diberi keutamaan di dalam kajian ini adalah sama sepertimana kajian yang dibuat oleh Hasan Baharom yang menilai secara umum pandangan ulama silam dan kontemporari tentang kadar pemilikan emas perhiasan yang diamalkan oleh negeri-negeri di Malaysia. Menurut penulis, kajian mendapati bahawa ulama telah mengeluarkan pandangan berbeza iaitu berdasarkan kaedah fiqh Adat adalah hakim, dan perubahan hukum berlaku dengan perubahan masa. Implikasinya, fenomena ini berlaku juga di Malaysia. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat tiga pendekatan yang digunakan oleh negeri-negeri iaitu berasaskan kepada kadar berat perhiasan emas, kadar nilai emas, dan kadar nisab tanpa merujuk kepada kadar kebiasaan pemilikan dan pemakaian emas.

Kajian daripada University Of Jordan yang ditulis oleh Nihaya Rabi'i (2000), bertajuk *Ahkam al-Hulli fi al-Fiqh al-Islami* yang memberi maksud: “Hukum-Hukum Perhiasan Wanita Dalam Al-Fiqh Al-Islami”. Penulis telah membahaskan tentang isu-isu yang bersangkutan dengan perhiasan wanita. Kajian yang dibuat adalah mengambil kira

---

<sup>50</sup>Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman, Ahmad Tirmizi Taha dan Zaharah Salawati Baba (2010), *Perspektif Ulama Tentang Kadar Pemilikan Dan Pemakaian Perhiasan Emas Dalam Penentuan Kefardhuan Mengeluarkan Zakat*, Kertas kerja Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

pandangan empat mazhab dan pandangan khusus dari Ibn. Hizam. Penulis membincangkan hukum perhiasan dari pelbagai jenis dan aspek tanpa memfokuskan kepada perhiasan emas semata-mata. Beliau juga memperkatakan tentang hukum perhiasan emas dan perak bagi lelaki. Malah beliau juga membahaskan hukum berkaitan perhiasan lelaki selain emas dan perak. Dari sudut hukum emas perhiasan wanita, beliau cenderung kepada pandangan tidak wajib zakat sepertimana yang dipegang oleh para jumbuhur. Malah beliau juga menerima pandangan yang mengatakan had perhiasan yang menunjukkan sifat pembaziran dan kesombongan perlu dizakatkan dengan merujuk kepada *'urf* yang ditentukan oleh persekitaran. Walau bagaimanapun, beliau tidak membicarakan perihal *'urf* sebagai kaedah mencari nisab bagi perhiasan emas.<sup>51</sup>

Di samping itu, terdapat laporan penyelidikan yang telah dibuat oleh Zulkifli Mohamad al-Bakri, Nor Azmi Musa, Mohamad Idris Ramli dan Wan Abdul Fattah Wan Ismail (2009),<sup>52</sup> yang bertajuk: “Penentuan ‘Uruf Pemakaian Emas Wanita Islam di Negeri Sembilan”. Ini adalah merupakan kajian lapangan yang dibuat bagi menilai *'urf* pemakaian emas sebenar dari kalangan wanita masyarakat Negeri Sembilan, kerana kadar *'urf* 850 gram yang diperkenalkan pada ketika itu kelihatan tinggi dan tidak selari dengan realiti pemakaian sebenar. Menurut kajian tersebut, pada tarikh 15 Disember 2008, harga semasa bagi 1 gram emas ialah sebanyak RM90.54. Ini bermakna kadar nisab 850 gram emas perhiasan yang ditetapkan oleh MAINs adalah menyamai RM76,959. Walau bagaimanapun menurut penulis, hukum yang ditetapkan oleh MAINs didapati tidak dibuat berdasarkan kajian lapangan bagi menunjukkan wajah dan realiti sebenar wanita Islam di Negeri Sembilan dalam mengenakan perhiasan emas di badan. Kajian ini melibatkan wanita dalam lingkungan umur 20 tahun hingga 64 tahun kerana pada skala umur ini didapati responden telah mempunyai pendapatan. Hasil kajian berdasarkan metode soal-selidik terhadap 6196

---

<sup>51</sup>Nihaya Rabii (2000), “Aḥkām al-Ḥullī fī al-Fiqh al-Islāmī”, (Tesis Master, University Of Jordan), *op.cit.* h. 12.

<sup>52</sup>Zulkifli Mohamad al-Bakri, Nor Azmi Musa, Mohamad Idris Ramli, Wan Abdul Fattah Wan Ismail (2009), *Penentuan 'Uruf Pemakaian Emas Wanita Islam Di Negeri Sembilan*, Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan USIM.



responden, iaitu 5.06 % dari jumlah 122,995 dari 9 daerah, mendapati unjuran timbangan bagi keseluruhan pemakaian emas di Negeri Sembilan adalah pada kadar 200 gram. Hasil kajian tersebut membawa kepada perubahan kadar 'urf di Negeri Sembilan daripada 850 gram kepada 200 gram hingga ke saat ini.<sup>53</sup>

Kajian yang dibuat oleh Mohd Anuar Ramli (2006),<sup>54</sup> yang membincangkan mengenai peranan 'urf dan adat dalam masyarakat melayu dalam konteks syarak di Malaysia. Menurut beliau, adat yang telah lama wujud dalam budaya masyarakat melayu adalah dianggap sebagai 'urf yang boleh dijadikan asas kepada pembentukan hukum di Tanah Melayu. Beliau mengkaji tentang pelbagai adat positif yang wujud dalam kalangan masyarakat melayu yang diterima oleh syarak kerana memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Beliau juga membahaskan beberapa kaedah 'urf yang diiktiraf oleh Islam sebagai sumber hukum. Kajian ini hanya tertumpu kepada adat melayu yang mengikut kriteria 'urf tanpa mengaitkan dengan isu-isu yang lain. Manakala Ahmad Sufyan Che Abdullah dan Ab Mumin Ab Ghani (2008),<sup>55</sup> pula meneliti konsep 'urf secara menyeluruh sebagai ijihad kepada dalil nas yang berbentuk spekulatif. Mereka memfokuskan kajian kepada bidang muamalat sahaja dengan memberi tumpuan kepada 'urf semasa. Menurut penulis peranan yang dimainkan oleh 'urf dalam bidang ekonomi adalah lebih menonjol berbanding bidang ibadah kerana konsep antara muamalat dan ibadah adalah berbeza. Berdasarkan prinsip muamalat, setiap individu bebas melakukan aktiviti 'urf sehingga terbukti wujud dalil pengharamannya, sedangkan prinsip ibadah pula adalah berlawanan dengan kenyataan tersebut. Hasil kajian mendapati wujud amalan dan pelaksanaan dari kalangan para sahabat yang pernah merubah hukum tertentu yang ditetapkan oleh Rasulullah demi menyesuaikan di zaman mereka, seperti kewajipan zakat atas kuda yang dibuat oleh 'Umar *al-khattab* sedangkan tidak dikenakan di zaman Rasulullah saw. Sekalipun penentuan

---

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> Mohd Anuar Ramli (2006), *Instrumen 'Urf dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum di Malaysia*, Jurnal Pengajian Melayu, j. 17, hh. 253-289.

<sup>55</sup> Ahmad Sufyan Che Abdullah, Ab Mumin Ab Ghani (2008), *'Urf dan Justifikasinya dalam Analisis Hukum Fiqh Muamalat*, Jurnal Syariah Academy of Islamic Studies, j. 16, bil. 2, hh. 393-428.

hukum berubah, namun hakikatnya ia tidak pernah terbabas dari maksud syarak. Menurut beliau, *'urf* bukan suatu sumber hukum yang boleh berdiri sendiri secara berseorangan, tetapi tertakluk kepada kewujudan *masalahah* dan fleksibiliti yang diberikan oleh *nas*. Fleksibiliti inilah yang menjamin kesesuaian syariat Islam hingga ke hari kiamat. Beliau tidak menyentuh mengenai *'urf* perhiasan emas.

Imron Rosyadi (2005),<sup>56</sup> pula telah menghuraikan *'urf* dari sudut status dan martabatnya dalam menentukan pelbagai jenis hukum dalam Islam. Menurut beliau, pemikiran hukum dalam Islam sama ada berbentuk fatwa atau undang-undang yang terkandung dalam kitab fiqh sedikit sebanyak mempunyai unsur-unsur *'adah* dan *'urf* seperti di dalam skop ibadat dan sosial. Penulis membahaskan tentang jenis-jenis *'urf*, keujjahannya dan syarat untuk menjadikannya sebagai dalil. Penentangan antara adat dan syarak dapat menghilangkan peranan *'urf* dalam membentuk hukum. Beliau hanya membincangkan kedudukan *'urf* secara teori di sisi Islam, yang diterima dalam keadaan-keadaan yang tidak berlawanan dengan *nas*. Di samping itu, Mustatho' (2012),<sup>57</sup> pula telah menulis mengenai fungsi *'urf* dan membahaskan peranan *'urf* dalam konteks pembangunan Islam menuju ke puncak kejayaan. Menurut penulis, syariat tidak mungkin dapat ditegakkan dengan sempurna sekiranya tidak bersama *'urf*. Tanpa *'urf*, bila-bila masa sahaja syariat boleh dirosakkan dan dianggap hanya sesuai diamalkan pada masa silam. Penulis menukilkan kata-kata ulama bahawa hukum yang terbentuk melalui *'urf* boleh bertahan selama mana *'urf* dipertahankan oleh sesuatu masyarakat dan sifatnya adalah tidak kekal. Beliau juga tidak membahaskan *'urf* dalam skop perhiasan.

Wan Zulkifli Wan Hassan (2009),<sup>58</sup> pula membincangkan tentang nilai-nilai fleksibiliti dalam syariat Islam yang menjadikannya sempurna dan sesuai diamalkan pada bila-bila masa. Beliau mengupas secara umum tentang nilai tersebut dalam semua sumber

---

<sup>56</sup>Imron Rosyadi (2005), *Kedudukan al-'Adah wa al-'Urf Dalam Bangunan Hukum Islam*, Jurnal Suhuf Vol. XVII, No 01, h. 3-12

<sup>57</sup>Mustatho' (2012), *'Urf dan Bangunan Islam Humanis*, Jurnal Koperatais Wilayah XI Kalimantan, Ittihad, Volume 8, No 13.

<sup>58</sup>Wan Zulkifli Wan Hassan (2009), *Nilai-Nilai Fleksibiliti Dalam Sumber Perundangan Islam*, Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, MALIM, Bil 10.

hukum sama ada yang dipersepakati oleh ulama, atau yang menjadi khilaf di kalangan mereka. Beliau juga mengupas mengenai *'urf* yang dianggap sebagai sumber sampingan yang mempunyai nilai-nilai fleksibiliti yang luas. Menurut beliau terdapat banyak *nas* dari al-Quran dan al-Sunnah yang diserahkan kepada *'urf* untuk kata putus seperti maksud tafarruq dalam akad jual-beli<sup>59</sup> dan maksud ihya'<sup>60</sup> dalam isu tanah terbiar. Rosli Moctar (2008),<sup>61</sup> pula menghuraikan *'urf* dari sudut yang agak berbeza, iaitu melalui aspek fiqh dalam menjaga dan memelihara alam sekitar. Menurut penulis, *'urf* amat diperlukan dan ia diadaptasi daripada maqasid syar'iyah dan prinsip-prinsip yang lain seperti *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* serta keprihatinan al-Quran dan al-Sunnah terhadap bumi dan perintah memakmurkannya. Dalam kata lain, segala tindakan manusia yang membahayakan dan boleh merosakkan bumi adalah dilarang oleh Islam. Menurut penulis, *'urf* yang positif yang diambil dari adat masyarakat yang mementingkan pemuliharaan ekologi dapat menyelamatkan bumi dari sebarang perkara fasad. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam *'urf* masyarakat perlu diberikan perhatian bagi menjamin keselamatan dan keharmonian *bi'ah*.

Penulisan dalam bidang zakat pula telah dibuat oleh Ahmad Hidayat Buang (1998),<sup>62</sup> yang telah membahaskan secara umum jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat. Beliau juga menyentuh sedikit mengenai zakat emas, tetapi tidak mengulas lanjut mengenai emas perhiasan. Menurut penulis, al-Quran menyebut tentang harta melalui dua cara iaitu umum dan khusus. Dari konteks umum, al-Quran menyebut bahawa *amwal* atau semua harta orang Islam perlu dizakatkan sama ada sebagai hak orang miskin atau sebagai pembersihan diri dan harta. Beliau menukilkan kata-kata Yusuf al-Qaradawi bahawa ayat ini adalah

---

<sup>59</sup>Maksud tafarruq dalam akad jual beli adalah berdasarkan kepada tempoh yang dibenarkan oleh syara' bagi tujuan melakukan khiyar sepertimana dalam hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Syaikh al-Bukhari yang bermaksud : "Dua orang yang melakukan akad jual beli iaitu penjual dan pembeli boleh melakukan khiyar selama kedudukannya belum berpisah."

<sup>60</sup>Maksud ihya' dalam tanah terbiar adalah bagaimanakah cara untuk menentukan seseorang itu dikira sebagai memajukan tanah yang terbiar sepertimana dalam hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmidzi yang bermaksud : "Barangsiapa yang menghidupkan tanah yang terbiar maka ia adalah pemiliknya."

<sup>61</sup>Rosli Moctar (2008), *Fiqh Ekologi dan Kearifan Traditional*, Jurnal Hunafa Vol. 5, No. 3. hh. 287-298.

<sup>62</sup>Ahmad Hidayat Buang (1998), *Harta-Harta Yang dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum*, Jurnal Syariah 6, pp. 23-36. ISSN 0128-6730.

merupakan dalil umum yang datang dari al-Quran, bagi kewajipan zakat atas harta umat Islam tanpa ada pengecualian. Dari konteks khusus pula al-Quran menyebut bahawa terdapat empat jenis harta yang wajib dizakatkan apabila telah sampai masanya, iaitu emas dan perak, tanaman dan buah-buahan, perniagaan dan hasil-hasil galian. Beliau hanya menganalisis hukum zakat bagi harta yang disebut dalam al-Quran.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri (2011),<sup>63</sup> pula menjalankan satu kajian yang berkaitan zakat dan hukum pemakaian emas dari sudut perspektif Islam. Emas yang ditonjolkan oleh penulis adalah dari pelbagai bentuk seperti emas tulen, emas putih dan emas yang direvolusikan (emas yang dicampurkan dengan logam lain), sama ada antara emas dan perak, tembaga dan emas, aloi dan emas, emas dan palladium, suasa dan lain-lain yang dihasilkan dari perkembangan teknologi. Penulis menyentuh hukum memakai emas dan revolusi emas, namun tidak mengupas dari sudut kewajipan zakat terhadapnya. Seterusnya Nur Barizah Abu Bakar dan Abdul Rahim Abdul Rahman (2007),<sup>64</sup> telah mengupas tentang zakat dan membuat perbandingan dengan cukai. Penulis membincang kedua-duanya dari sudut konsep dengan melihat dari konteks ekonomi dan kerohanian. Penulis mendapati bahawa zakat secara total adalah berbeza dengan percukaian kerana zakat bukan sekadar untuk mencapai merit kerohanian semata-mata tetapi juga mempunyai peranan yang besar dari sudut ekonomi dan sosial. Zakat bukan sahaja mengambil dengan jalan yang baik tetapi juga mengagihkannya dengan adil.

Kajian mengenai zakat bagi emas perhiasan banyak diperkatakan oleh al-‘Alim al-‘Alamah Yusof al-Qaradhawi (2000),<sup>65</sup> dalam kitab unggul hasil karya penyelidikan beliau iaitu *Fiqh al-Zakah*. Beliau mengupas secara terperinci tentang zakat dengan menjelaskan isu-isu zakat mengikut arus semasa. Beliau juga menyentuh dan membahaskan isu mengenai emas perhiasan. Malah menjelaskan pandangan ulama mengenainya iaitu merangkumi tiga

---

<sup>63</sup> Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri (2011), *Hukum Pemakaian dan Zakat Suasa Dan Emas*, Journal of Fatwa Management and Research, Vol. 2.

<sup>64</sup> Nur Barizah Abu Bakar, Abdul Rahim Abdul Rahman (2007), *A Comparative Study Of Zakah and Modern Taxation*, Journal Of King Abdul Aziz University, Islamic Economics, 20, No 1, pp. 25 - 40.

<sup>65</sup> Qaradāwī, Yūsuf al- (2000), *Fiqh al-Zakāh, Dirāsāt Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafātihā fī Daw’i al-Qurān wa al-Sunnah*, C. 24, 2 j. Beirut: Muassasah al-Risālah.

pendapat yang mengatakan wajib zakat secara mutlak, tidak wajib zakat secara mutlak, dan wajib zakat sekiranya melebihi *'urf*. Walaupun bersependapat dengan jumhur dalam permasalahan zakat, namun beliau tidak menyentuh tentang persoalan *'urf* secara mendalam kecuali membawa sedikit pandangan peribadi beliau, bahawa nisab zakat emas perhiasan perlu dirujuk kepada *'urf* setempat, dan tidak mustahil perbezaan kadar *'urf* boleh berlaku disebabkan oleh perbezaan *'urf*. Kajian yang sama dibuat oleh Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003),<sup>66</sup> dengan menukulkan banyak pandangan Yusof al-Qaradawi dalam konteks isu-isu tentang zakat. Beliau juga menulis tentang zakat emas perhiasan sama seperti Yusof al-Qaradhawi dan bersetuju tentang kepentingan *'urf* dalam menentukan hukum bagi zakat emas perhiasan. Namun, tidak menyentuh mengenai metode ulama secara terperinci tentang perkara ini. Beliau membahaskan isu ini dengan membuka ruang perbincangan yang luas mengenai pandangan ulama. Beliau juga menjelaskan bahawa *'urf* pemakaian emas perlu diteliti dan ditentukan secara bijaksana oleh ulama semasa, kerana ulama terdahulu tidak menetapkannya kecuali dengan beberapa ketetapan yang berbeza-beza seperti 200 gram, 1000 gram dan sebagainya. Di samping itu, Wahbah al-Zuhayli (1985),<sup>67</sup> yang merupakan seorang tokoh ulama kontemporari dan pakar dalam bidang fiqh, juga pernah menulis dan menghuraikan secara menyeluruh mengenai segala perkara berkaitan fiqh yang terkandung dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami* dan didatangkan beserta dalil-dalil yang disandarkan oleh ulama. Beliau telah membincangkan persoalan zakat emas perhiasan berdasarkan pandangan pelbagai mazhab. Menurut Mazhab Maliki, barang perhiasan yang diwajibkan zakat adalah yang diperbuat daripada emas bagi tujuan perniagaan, begitu juga dengan peralatan solekan wanita dari emas seperti tempat celak, pemegang gincu dan sebagainya. Zakat juga dikenakan sekiranya perhiasan emas tersebut disimpan untuk digunakan ketika kecemasan. Menurut Mazhab Syafi'i pula perhiasan emas yang dikenakan zakat adalah yang diniatkan untuk disimpan atau dijadikan bejana atau perhiasan khusus untuk lelaki tetapi dipakai oleh wanita atau sebaliknya. Begitu juga sekiranya perhiasan tersebut melebihi 200 *mithqal*.

---

<sup>66</sup>Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Dewan Bahasa & Pustaka KL. *op.cit.*

<sup>67</sup>al-Zuhaylī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, *op.cit.* hh. 764-768.

Menurut Mazhab Hambali pula, Perhiasan emas yang dikenakan zakat adalah yang digunakan untuk perniagaan dan dikenakan juga atas segala perhiasan yang haram termasuk perhiasan khusus untuk lelaki tetapi wanita dilarang memakainya seperti perhiasan pedang, tali pinggang, pelana kuda dan sebagainya. Menurut Mazhab Hanafi pula, zakat diwajibkan pada semua perhiasan wanita dalam apa jua bentuk dan keadaan sekalipun sama seperti emas-emas yang lain. Sebabnya adalah emas kerana emas merupakan harta yang boleh berkembang. Penulis tidak menyentuh langsung mengenai kaedah 'urf bagi menentukan kadar zakat.

Terdapat banyak kitab-kitab yang menulis tentang 'urf khususnya yang melibatkan persoalan *usul fiqh* dan *qawa'id fiqh* seperti yang dikarang oleh Muhammad Sidqi Ahmad (2002).<sup>68</sup> Beliau menulis tentang 'urf dan menjadikannya salah satu kaedah besar yang utama dalam *qawa'id fiqh* iaitu atas kaedah *al-'Adah Muhakkamah* yang berdalilkan kepada ayat al-Quran dan hadith *mauquf* yang disandarkan kepada Ibn. Mas'ud. Beliau menggunakan kedua-dua sumber ini sebagai asas dalam penggunaan kaedah tersebut. Dalil al-Quran adalah sepertimana Allah SWT berfirman:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

*'Terimalah apa yang mudah bagimu untuk melaksanakannya, dan suruhlah manusia kepada perkara-perkara yang baik, dan berpalinglah kamu dari orang-orang yang jahil.'*

Surah al-'Araf (7) : 199

Dalil al-Hadith adalah sepertimana Rasulullah saw bersabda:

*"Apa-apa sahaja perkara yang dipandang oleh orang-orang Islam itu sebagai baik, maka di sisi Allah juga dikira sebagai baik."*

(Hadith riwayat Ahmad)

<sup>68</sup>Muhammad Sidqi Ahmad (2002), *al-Wajiz fi I'adah al-Qawā'id al-Kulliyah*, c. 5. Beirut: Dār al-Risālah al-'Aālamīyah, hh. 270-309.

Penulis hanya membicarakan mengenai *'urf* dari semua sudut dan bidang tetapi tidak membicarakan tentang emas perhiasan. Selain itu, Ahmad Sufyan Che Abdullah (2003),<sup>69</sup> pula telah mengkaji mengenai kesan doktrin *'urf* dan mengupas dari sudut authoriti dan pengaruhnya terhadap hukum klasik, terutamanya dalam bidang fiqh muamalat. Beliau membahaskan tentang beberapa instrumen kewangan Islam di Malaysia yang berkembang pesat dan memerlukan ijtihad kepada persoalan baru yang berpaksikan kepada kehendak *nas* dan memenuhi tuntutan *'urf*. Fokusnya bagi memastikan syariat Islam sentiasa relevan dengan peredaran zaman. Penulis mendapati bahawa pembinaan hukum silam berdasarkan *'urf* tempatan memerlukan perubahan jika ingin dilaksanakan dalam pasaran moden supaya kelangsungan syarak kekal diamalkan dengan sempurna.

Seterusnya al-Imam al-Syafi'i (t.t.),<sup>70</sup> sendiri juga telah mengupas mengenai zakat emas dengan menyebut bahawa beliau tidak pernah melihat adanya perbezaan pandangan antara ulama mengenai ketetapan 20 *mithqal* sebagai syarat wajib untuk mengeluarkan zakat. Menurut beliau, tidak ada zakat yang perlu dikeluarkan pada emas yang kurang dari kadar tersebut. Mengenai emas perhiasan pula, beliau mendapati bahawa Aisyah tidak pernah mengeluarkan zakat atas emas yang dipakai oleh anak saudaranya yang yatim. Beliau pernah mengisytiharkan bahawa beliau pernah beristikharah kepada Allah tentang zakat emas perhiasan dan jawapannya adalah tidak wajib zakat. Jika dibuat bejana maka ia dikenakan zakat. Syeikh Ahmad Jad (2006),<sup>71</sup> juga menulis mengenai hukum ini dan menerangkan bahawa terdapat pandangan dari Ibn. Musayyib, Sa'id al-Jubair, 'Atho', Ibn. Sirin, Jabir Ibn. Zaid, Mujahid dan al-Zuhri berdasarkan riwayat dari Saidina Umar al-Khattab, Abdullah Ibn. Mas'ud, Abdullah Ibn. 'Umar dan Ibn. Abbas yang mengatakan wajib mengeluarkan zakat atas emas perhiasan. Terdapat juga pandangan yang mengatakan tidak wajib zakat. Pandangan ini dipegang oleh Malik bin Anas, Ahmad bin Hambal, dan

---

<sup>69</sup> Ahmad Sufyan Che Abdullah (2003), *Aplikasi Doktrin al-'Urf Dalam Instrumen Pasaran Kewangan Islam Di Malaysia*, UM.

<sup>70</sup> Husayn 'Abd al-Ḥamīd Nail (t.t.) *Mukhtaṣar al-Umm li al-Imām al-Syāfi'i*, Beirut: Dār al-Arḡam.

<sup>71</sup> Aḥmad Jād (2006), *Mawsū'ah fiqh al-Sunnah li al-Nisa'*, Qāhīrah: Dār al-Ghad al-Jadīd.

pendapat al-Imam al-Syafi'i yang paling menonjol antara kedua pendapatnya. Beliau menjelaskan mengenai pandangan tersebut tanpa mengaitkannya dengan 'urf.

'Abd al-Karim Zaydan (1993)<sup>72</sup> pula dalam kitabnya telah mengupas tentang emas perhiasan yang diharuskan untuk wanita memakainya. Menurut beliau, perhiasan sebenarnya dapat mengekalkan perasaan kasih sayang antara suami dan isteri yang merupakan salah satu daripada *Maqasid al-Syara' al-Islami* yang perlu diberikan perhatian oleh semua pasangan. Beliau juga menukilkan pandangan al-Syafi'iyah bahawa perhiasan yang menunjukkan satu pembaziran adalah dikenakan zakat. Beliau menyentuh sedikit mengenai 'urf dalam konteks paling ringkas bahawa penilaian mengenai konsep pembaziran diambil kira dari sudut timbangan dan bilangan yang tertakluk kepada kebiasaan.

Sementara itu, selain kajian tentang 'urf dan emas perhiasan, terdapat juga kajian yang menyentuh tentang fatwa. Dalam soal kajian, fatwa adalah di antara unsur penting dalam kerangka kajian kerana tanpanya sesuatu ketetapan hukum akan tergantung dan tidak dapat dilaksanakan. Antara kajian yang menjurus ke arah itu ialah sepertimana yang dibuat oleh Abdullah Said, Hasan Baharom dan Rawi Nordin (2012).<sup>73</sup> Penulis mengkaji tentang kefatwaan zakat di Asia Tenggara. Menurut penulis, fatwa adalah merupakan faktor terpenting bagi proses menentukan hukum kepada setiap permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Mereka berdalilkan kepada kepada ayat al-quran dan al-Sunnah seperti berikut:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ ...

*“Dan mereka meminta fatwa kepadamu wahai Muhammad mengenai hak dan kewajiban kaum wanita. Maka katakanlah olehmu bahawa Allahlah akan memberikan keterangan (fatwa) kepada kamu...”*

Surah al-Nisa' (4) : 127

من افتى بفتو غير ثبت فانما اثمه على من افتاه

*“Barangsiapa yang mengeluarkan fatwa tanpa kepastian (sumber dan dalil) maka sesungguhnya dosanya atas orang yang memberikan fatwa.”*

(Diriwayatkan oleh Ahmad Ibn. Hambal)

<sup>72</sup> Abd al-Karīm Zaydān (1993), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim*, c. 1. Beirut: Muassasah al-Risālah.

<sup>73</sup> Abdullah Said, Hasan Baharom, Rawi Nordin (2012), *Kefatwaan Fiqh Zakat Asia Tenggara*, Institut Pengurusan Penyelidikan UiTM.



Dalam kajian tersebut, penulis telah memfokuskan kepada kepentingan pelarasan dari sudut fatwa bagi memudahkan perlaksanaannya di Asia Tenggara. Walau Bagaimanapun perbezaan fatwa juga perlu diraikan berdasarkan kepada hadith yang bermaksud:

*“Apabila seorang hakim itu berijtihad, maka baginya dua pahala sekiranya ijtihad tersebut tepat, dan mendapat satu pahala sekiranya ijtihadnya tersalah.”*  
(Diriwayatkan oleh Abu Daud)

Penulis membincangkan mengenai institusi fatwa di Asia Tenggara dan membuat perbandingan serta mengaitkannya dengan isu-isu zakat. Penulis mendapati bahawa di Asia Tenggara terdapat negara-negara mengangkat institusi mufti ke suatu tempat tertinggi seperti Singapura, Brunei dan Malaysia, namun realitinya tidak berlaku di Indonesia.

Di samping itu juga terdapat kajian yang dibuat oleh Ririn Fauziyah (2010),<sup>74</sup> yang telah mengkaji pemikiran Yusuf al-Qaradawi berhubung zakat dalam konteks saham dan bon. Penulis mengkaji tentang pandangan dan ijtihad beliau yang terkandung di dalam Fiqh al-Zakah. Penulis juga merekodkan kata-kata Yusuf al-Qaradawi bahawa beliau cenderung kepada pandangan moderat dalam semua hal. Penulis telah mengupas tentang tajuk tersebut secara menyeluruh dan mendapati bahawa majoriti para ulama telah sepakat mengatakan bahawa saham dan bon adalah perlu dizakatkan kerana kedua-duanya adalah merupakan harta kekayaan yang subur, dan setiap harta kekayaan adalah perlu dizakatkan. Seterusnya Dziauddin Sharif (2003),<sup>75</sup> juga mengkaji tentang zakat dengan hanya memberi fokus kepada sistem yang dijalankan oleh Baitul Negeri Sembilan bagi menguruskan agihan dan kutipan zakat di sana. penulis hanya menyentuh tentang pengurusan zakat berbentuk fitrah tanpa melibatkan jenis zakat-zakat yang lain. Penulis mendapati bahawa strategi yang digunakan oleh institusi ini adalah memuaskan kerana mempunyai struktur organisasi yang agak kemas dan tersusun dan memudahkan orang ramai untuk menunaikan tanggungjawab membayar dan mendapatkan bantuan.

---

<sup>74</sup>Ririn Fauziyah (2010), “Pemikiran Yusuf al-Qaradawi Mengenai Zakat Saham dan Obligasi”, (Thesis Sarjana Hukum, Islam, Universitas Islam Negeri UIN) Indonesia.

<sup>75</sup>Dziauddin Sharif (2003), “Sistem Pungutan Dan Agihan Zakat Fitrah Kajian Di Baitulmal Negeri Sembilan”, (Thesis Sarjana Universiti Malaya).

Selain itu, Patmawati Ibrahim (2006)<sup>76</sup> pula telah mengkaji peranan zakat dari sudut ekonomi umat Islam bagi mengatasi dan mengurangkan masalah kemiskinan di Selangor. Beliau menggunakan kaedah sampel dari sembilan buah daerah di Selangor bagi mengenal pasti hakikat sebenar bagi masalah ini. Kajian ini membantu mengenal pasti kawasan yang terancam dengan ketidak seimbangan agihan dan kesannya kepada aspek kebajikan sosial. Siti Mashitoh Mahamod (2007)<sup>77</sup> pula telah mengupas mengenai sorotan sejarah dan sistem bagi peruntukan undang-undang zakat yang digunakan di Malaysia. Menurut penulis, isu zakat bukan sahaja dibincangkan di dalam bab ibadah sahaja di dalam kitab-kitab *turath*, tetapi dikupas dengan panjang lebar di dalam bab kenegaraan dan isu kewangan sesebuah pemerintahan. al-Mawardi adalah di antara sarjana Islam yang menulis tentang hakikat ini di dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Penulis mendapati bahawa sistem perundangan zakat telah sekian lama dikanunkan sejak awal bertapak di tanah Melayu dan bukan di zaman British sepertimana yang didakwa oleh Moshe Yegar.<sup>78</sup>

Zulkifli Mohamad (2004),<sup>79</sup> pula telah menghuraikan tentang ijihad melibatkan bidang kefatwaan dengan memberi fokus kepada kajian mengenai mufti dan fatwa. Kajian ini menyingkap kelayakan yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk menjawat jawatan mufti. Kajian ini juga memfokus kepada fatwa-fatwa terpilih sahaja serta melihat peruntukan di bawah enakmen fatwa Negeri Sembilan. Penulis mengkaji tentang sejarah kefatwaan dan mufti di zaman awal kedatangan Islam dan mendapati bahawa Saidina Umar al-Khattab adalah pemerintah Islam pertama yang menjadikan jawatan mufti secara rasmi. Penulis juga mendapati bahawa jawatan mufti di Malaysia telah lama wujud dan diterima secara rasmi sejak dalam pentadbiran Inggeris dengan peruntukan kewangan terhadap jawatan tersebut. Enakmen dan akta yang berkaitan fatwa dan mufti telah digubal sejak

---

<sup>76</sup>Patmawati Ibrahim (2006), "Economic Role Of Zakat In Reducing Income Inequality And Poverty In Selangor"(Thesis PhD, Universiti Putra Malaysia).

<sup>77</sup>Siti Mashitoh Mahamod (2007), *Sistem Perundangan Zakat Di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan*, Kertas Kerja ini dibentangkan di Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan di PWTC pada 22 Mei 2007.

<sup>78</sup>Yegar, Moshe (1979), *Islam And Islamic Institutions in British Malaya*, Jerusalem, The Magnes Press, The Hebrew University, h. 216.

<sup>79</sup>Zulkifli Mohamad (2004), "Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan", (Thesis PhD Universiti Sains Malaysia).

Malaysia mendapat Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan seterusnya berlaku penambahan dan pindaan mengikut peredaran masa. Penulis yang samajuga telah menulis mengenai fatwa dalam buku *Fatwa zakat kontemporari (Siri Pertama Kajian Hukum Muamalat Islam)* dengan mengupas isu-isu zakat dari sudut fatwa mengikut kesesuaian keadaan masyarakat. Penulis membahaskan pelbagai jenis fatwa dan hukum berkaitan zakat termasuk emas perhiasan tetapi dalam perbahasan yang terlalu ringkas. Penulis hanya menyatakan dari sudut hukum secara umum tanpa menghuraikannya iaitu jelas tiada zakat atas emas perhiasan kecuali kepada tiga keadaan iaitu sekiranya digunakan untuk perkara haram, atau digunakan untuk perniagaan, atau pemilikannya melebihi dari 'urf. Tiada huraian mengenai 'urf yang telah dibuat.<sup>80</sup>

Kajian khusus mengenai emas perhiasan dapat dilihat sepertimana yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Pahang pada tahun 2008. Ia buat melalui Jawatankuasa Kajian 'urf Emas Pakai Negeri Pahang yang telah melakukan kajian berkaitan tajuk ini dengan menggunakan metodologi kuantitatif. Penulis menjalankan soal-selidik ke atas masyarakat di beberapa tempat terpilih sekitar Pahang, bagi menilai realiti pemakaian emas perhiasan di sana. Kajian ini tidak memfokuskan kepada pengurusan zakat emas perhiasan di MAIP tetapi dibuat bagi membantu MAIP untuk membuat penambah-baikkan sistem yang ada. Kajian ini juga tidak melibatkan negeri-negeri yang lain kecuali Pahang semata-mata. Kajian ini mendapati bahawa majoriti penduduk hanya memakai emas dalam kadar 50 – 85 gram sahaja dan terdapat 6 peratus penduduk sahaja yang memakai emas melebihi 200 gram. Mereka hanya membuat bancian dan menyerahkan laporan tersebut kepada pihak yang berkenaan, walau bagaimanapun mereka tidak menetapkan kadar 'urf dalam kajian ini. Hasil kajian tersebut membawa kepada penetapan kadar 'urf di Pahang pada timbangan 200 gram.<sup>81</sup>

---

<sup>80</sup>Zulkifli Mohamad al-Bakri (2011), *Fatwa Zakat Kontemporari*, Bank Muamalat.

<sup>81</sup>Jawatankuasa Kajian 'Urf Emas Pakai Negeri Pahang (2008), *Laporan Penetapan 'Urf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur*. (Diketuai oleh Halidan Md Daud selaku Pengerusi Besar Pusat Kutipan Zakat Pahang 2008).

Menurut Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura yang dipengerusikan oleh Muftinya, Mohamed Fatris Bakaram (2011).<sup>82</sup> Pada mesyuarat yang ke 7 bertarikh 9 Jun 2011, telah menyatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1995 berkaitan zakat emas perhiasan perlu dikaji semula. Dalam kandungan fatwa tersebut mencatatkan bahawa tiada zakat bagi emas perhiasan secara mutlak berdalilkan kepada hadith-hadith Nabi sebelum ini. Fatwa baru yang dikeluarkan berdasarkan kepada mesyuarat tersebut ialah terdapat dua keadaan di mana zakat wajib dikeluarkan atas emas perhiasan iaitu sama ada pemakaian melampaui batas atau perhiasan dibeli dengan niat untuk menyimpan sebagai pelaburan. Jawatankuasa mendapati bahawa kadar 20 *mithqal* yang dinyatakan dalam teks 1995 adalah tidak tepat dan perlu digantikan dengan 200 dinar sebagai batas '*urf*. Mereka juga memutuskan bahawa apabila zakat diwajibkan maka ia haruslah dihisab dari jumlah keseluruhannya dan bukan sahaja dikira selepas ditolak batas '*urf* tersebut.<sup>83</sup>

Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor tahun 2003,<sup>84</sup> fatwa di bawah seksyen 47 ada menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48 (6), yang telah menetapkan bahawa kadar '*urf* emas perhiasan di Negeri Selangor adalah pada timbangan 800 gram. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar tersebut diwajibkan zakat perhiasan sepenuhnya tanpa mengecualikan nilai yang di bawah adat atau '*urf*.<sup>85</sup>

Menurut Fatwa Rasmi Negeri Melaka yang telah diwartakan<sup>86</sup> pada 6 Jan 2011.<sup>87</sup> Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa telah sebulat suara bersetuju memutuskan beberapa perkara berikut: Menetapkan bahawa kadar '*urf* pemakaian emas perhiasan bagi wanita Islam di

---

<sup>82</sup>Mohamed Fatris Bakaram (2011), Mufti Negara Singapura merangkap Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MUIS

<sup>83</sup>Majlis Ugama Islam Singapura, dicapai pada 25 Oktober 2013, [www.muis.gov.sg](http://www.muis.gov.sg).

<sup>84</sup>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dicapai pada 20 Oktober 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/>

<sup>85</sup>Fatwa dikeluarkan oleh Dato' Haji Tamyas Abd Wahid, Mufti Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Selangor. Status diwartakan pada tarikh 23 Jun 2005, Nombor Rujukan: {Mufti Sel.500-2; PU. Sel.AG, Akta/Enakmen: Sel.P.U. 15.

<sup>86</sup>Pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, No. Rujukan JMM/BFB(S)/351/255/02/09;PUNM. 700-02/40

<sup>87</sup>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kajian Semua Mengenai Penetapan Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Melaka dan Kaedah Pengiraannya. dicapai pada 15 November 2012, [www.e-fatwa.gov.my/melaka](http://www.e-fatwa.gov.my/melaka).

Negeri Melaka ialah sebanyak 200 gram, manakala zakat yang dikenakan ialah sebanyak 2.5 peratus daripada nilai emas perhiasan yang melebihi kadar *'urf* tersebut (tanpa tolakan). Ahli-Ahli juga bersetuju untuk meminda fatwa pada 9(i) Warta Kerajaan Negeri Melaka bertarikh 19 November 2009 mengenai fatwa zakat harta di bawah tajuk zakat emas dan perak.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-9 Penggal ke-8 yang bersidang pada 22 Jun 2012<sup>88</sup>, telah membincangkan Kertas Kerja Kadar Uruf Emas Perhiasan Wanita Di Negeri Terengganu. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut bahawa “Kertas kerja mengenai Penentuan Kadar Uruf Emas Dan Pemakaiannya Dalam Kalangan Wanita Negeri Terengganu” daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diterima dengan dengan “isyarat” dan berpendapat had nilai zakat emas perhiasan wanita perlu di bawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia untuk dibahaskan secara nasional. Mesyuarat turut mengambil perhatian terhadap keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu terdahulu yang berpendapat bahawa had *israf* adalah 200 *mithqal* bersamaan 850 gram masih digunakan bagi dikenakan zakat perhiasan wanita.

Kesimpulannya setelah mengkaji dan meneliti kajian pelbagai dimensi sama ada jurnal, kitab, buku, tesis, kertas kerta, akta, enakmen dan sebagainya maka pengkaji mendapati bahawa secara khusus mengenai tajuk yang dipilih oleh pengkaji masih belum lagi dibuat sebarang kajian. Kebanyakannya hanya tertumpu kepada pembahagian tertentu secara berasingan dan tidak memfokuskan kepada tajuk sebenar yang dipilih oleh pengkaji. Sekalipun fatwa tentang kajian ini telah dibuat tetapi ketidak seragaman dari sudut pelarasan kadar yang menyebabkan perlu dibuat kajian khusus tentang metodologi yang digunakan oleh Jabatan Mufti dan Majlis Agama Islam Negeri bagi menganalisa hasil hukum yang dikeluarkan, diwartakan dan seterusnya dilaksanakan. Justeru menurut pengamatan penulis tajuk ini perlu diberi perhatian bagi memastikan kepentingan awam dijaga dan kesusahan

---

<sup>88</sup> *Ibid.* [www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my). 1 Januari 2013

mereka diangkat bagi menjadikan kewajipan zakat bukan lagi menjadi satu bebanan kepada masyarakat tetapi lebih kepada keperihatinan dan didikan.

Sebagai rumusan dari apa yang dipaparkan dalam sorotan literatur, didapati bahawa tajuk yang dipilih oleh pengkaji sebenarnya mempunyai beberapa cabang yang dibincangkan oleh kebanyakan ulama-ulama silam dan kontemporari secara berasingan, dan tidak dikupas secara terperinci bagi menjelaskan konsep hukum terhadap persoalan emas perhiasan. Kajian ini meliputi perbincangan tentang zakat, *usul fiqh*, *qawa'id fiqhiyyah*, *'urf*, fatwa, emas dan sebagainya. Ulama banyak menulis tentang ilmu-ilmu tersebut secara khusus. Walau bagaimanapun, perbincangan secara khusus tentang tajuk kajian hanya disentuh secara umum dan tidak melibatkan metodologi khusus yang boleh menjadi sandaran. Begitu juga dengan penulisan-penulisan kontemporari yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian dan penulisan yang menumpukan kajian tentang *'urf* emas perhiasan sama ada berbentuk kajian kuantitatif atau kualitatif, namun ia berbeza dengan kajian ini yang memberi penumpuan kepada perbandingan antara dua buah negeri. Kajian ini telah membongkar isu-isu penting yang berlaku di Selangor dan Melaka dalam penetapan *'urf* bagi zakat emas perhiasan. Kajian tentang data pembayar zakat sebagai metodologi penentuan *'urf* di Melaka yang terbaharu selepas bersandarkan kepada kadar JAWHAR sebelum itu, telah dikaji di dalam penyelidikan ini. Begitu juga kadar *'urf* 227 gram dan 500 gram, seterusnya 800 gram sepertimana diperkenalkan oleh Selangor, yang mempunyai latar belakang sejarah yang tersendiri juga dikupas. Ini menunjukkan bahawa setiap negeri mempunyai metodologi yang tersendiri yang boleh digabungkan bagi menghasilkan kadar *'urf* yang benar-benar menepati kehendak maqasid syarak.

## **1.7 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian mengenai perbandingan ini telah membawa pengkaji kepada beberapa jabatan kerajaan yang berwajib dan berautoriti terdiri daripada Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Melaka, Jabatan Mufti Selangor, Jabatan Mufti Melaka dan pihak-pihak lain, yang

terlibat secara langsung atau tidak langsung terhadap pengamalan dan pengurusan zakat di negeri Selangor dan Melaka. Pengkaji telah mengkaji dan menganalisa semua data dan pendapat yang diambil dari pihak-pihak berkenaan, bagi mengenal pasti dan memahami dengan lebih dekat justifikasi yang menjadi punca kepada perbezaan kadar *'urf* yang diguna pakai oleh kedua-dua buah negeri. Proses ini penting dianalisa bagi mendapatkan hasil kajian yang sebenar dalam memastikan matlamat syariah dalam menjaga masalah umum dan juga kepentingan organisasi di dalam hukum-hukum zakat dapat diadaptasi dengan lebih murni. Setelah membuat kajian terperinci tentang kadar *'urf* berdasarkan sumber-sumber yang diperolehi dan dipaparkan sebelum ini, maka pengkaji mendapati bahawa proses pengistinbatan hukum berdasarkan *'urf* telah lama wujud dan diperbincangkan sejak dari zaman dahulu lagi di awal kedatangan Islam dan berlaku hingga ke hari ini iaitu dengan isu yang pelbagai. Realitinya jelas terpapar bahawa instrumen *'urf* adalah merupakan satu cabang daripada persoalan-persoalan ijtihad di mana ia merupakan hukum yang ditentukan oleh ulama mujtahid (menurut kebijaksanaan masing-masing) berasaskan kepada penilaian dan kefahaman tentang sesuatu isu berbangkit dengan mengambil kira pelbagai faktor yang digariskan oleh syarak.<sup>89</sup>

Perbezaan pandangan kebiasaannya berlaku antara satu individu dengan individu yang lain, namun dalam kes-kes tertentu perbezaan juga boleh berlaku terhadap orang perseorangan terhadap pandangannya dahulu dan terkini. Atas dasar itu kita dapati kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh al-Imam al-Syafi'i sendiri pernah berbeza-beza ketika beliau berada di Baghdad yang dikenali sebagai *al-qawl al-qadim* dan ketika beliau berpindah ke Mesir yang dikenali sebagai *al-qawl al-jadid*.<sup>90</sup> Perubahan pandangan beliau berlaku disebabkan oleh faktor beberapa perbezaan yang berlaku terhadap suasana,

---

<sup>89</sup>al-Syāṭibi, Ibrāhīm Mūsa (2005), *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Syarī'ah*, c. 7, j. 3-4, Beirut: Dār al-Kutub al-Dīniyyah, hh. 76-78.

<sup>90</sup>Ridzuan Ahmad (2012), *Fiqh Imam Syafie*, PTS Millennia Sdn. Bhd., h. 189-190.

persekitaran, pemikiran, adat dan sebagainya yang berubah disebabkan oleh tempat dan zaman.<sup>91</sup> Ulama fiqh dan usul telah bersepakat bahawa:

*“Tidak diingkari berlaku perubahan dalam sesuatu hukum itu kerana perubahan tempat dan masa.”<sup>92</sup>*

Bagi menghimpunkan data-data dan mengumpul segala informasi yang diperlukan dalam usaha menyiapkan kajian ini, maka penulis telah menggunakan beberapa metode bagi membuat analisa terhadap data yang diperolehi. Metode yang digunakan oleh penulis ialah kaedah pengumpulan data yang berbentuk data kualitatif. Data kualitatif ini memberi maksud sebarang bentuk maklumat yang diperolehi dari buku, artikel, laporan, dokumen dan sebagainya melalui kajian penyelidikan perpustakaan dan temu bual.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

#### a) Kajian Perpustakaan / Dokumentasi

Kajian perpustakaan atau dokumentasi adalah merupakan salah satu kaedah dan metodologi yang penulis gunakan bagi memperolehi maklumat berkaitan teori-teori dan format-format yang pernah diaplikasikan oleh ulama terdahulu berkaitan ‘urf bagi persoalan-persoalan hukum yang berkaitan dengannya. Perbahasan ‘urf juga diambil dari ulama-ulama kontemporari bagi melihat kesinambungan antara pendapat silam dan kontemporari berhubung perkara-perkara dasar yang tidak boleh dipinda, dan kepada perkara-perkara cadang yang perlukan kepada ijtihad semasa dalam membuahkannya penafsiran teks agama yang relevan. Penulis juga mengumpul data-data penting melibatkan tajuk kajian sama ada secara khusus atau umum yang berkaitan antara satu sama lain bagi melihat isu dengan skop yang lebih luas. Proses pengumpulan data ini melibatkan penulisan terdahulu atau kini yang merangkumi khutub-khutub *turath* (Kitab-kitab muktabar) atau kontemporari, sama ada diambil

---

<sup>91</sup>*Ibid.*

<sup>92</sup>Šālih Ghānim al-Sadalān (1417H), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubra*, c. 1. Riyād: Dār al-Balansiyyah, h. 390.



dari artikel-artikel yang pernah diterbitkan, jurnal-jurnal, risalah, kertas kerja, majalah-majalah, dan sumber-sumber bacaan lain yang ditulis di dalam Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Penulis menjadikan perpustakaan di dalam negara sebagai pencarian utama selain menjadikan perpustakaan di luar negara sebagai tambahan kepada pencarian tersebut bagi mendapatkan maklumat-maklumat penting terhadap isu kajian. Kaedah ini digunakan oleh penulis untuk menyiapkan bab pertama dan kedua.

b) Kaedah Temu bual

Kajian lapangan adalah metode kedua yang digunakan oleh penulis dengan menggunakan kaedah temu bual secara lisan dan secara bersua muka untuk menemuramah Sohibus Samahah Mufti Negeri Selangor Y.Bhg. Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid (atau wakil dari Jabatan Mufti Selangor) dan Sohibus Samahah Mufti Negeri Melaka Y.Bhg. Datuk Wira Hj. Rashid Redza bin Hj Md. Saleh (atau wakil dari Jabatan Mufti Melaka). Kaedah temubual ke atas kedua-dua Mufti ini adalah tersangat penting kerana memandangkan segala persoalan berkaitan *'urf* emas perhiasan setempat adalah dirujuk dan tertakluk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri dari semasa ke semasa. Penulis berjaya menemubual Sahibus Samahah Mufti Negeri Melaka Y. Bhg. Datuk Wira Hj. Rashid Redza bin Hj Md. Saleh seterusnya memperolehi data dan maklumat berkaitan isu kajian berdasarkan kertas-kertas kerja cadangan dan minit-minit mesyuarat terdahulu dari pegawai di Unit Penyelidikan. Walau bagaimanapun, penulis tidak dapat menemubual Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor Y.Bhg. Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid kerana komitmen dan kesibukan beliau dengan urusan rasmi, namun penulis berjaya mendapatkan semua maklumat yang diperlukan secara terperinci daripada pegawai-pegawai yang bertugas di Bahagian Penyelidikan sebagai mewakili Datuk Mufti.

Kaedah temubual juga dijalankan ke atas pentadbir yang terlibat secara langsung dengan pengurusan zakat di Selangor iaitu LZS (MAIS) dan PZM. Temubual ini

digunakan bagi tujuan mendapatkan keterangan serta pandangan mereka persoalan mengenai perjalanan kutipan zakat emas perhiasan dan sebagainya. Kaedah temu bual ini dibuat dengan pelbagai cara sama ada secara berhadapan (*face to face*), berinteraksi melalui panggilan telefon, sms, serta berurusan menggunakan email dan sebagainya. Selain itu, penulis juga menggunakan kaedah observasi bagi tujuan melihat sendiri dengan meneliti bagaimanakah bentuk pelaksanaan yang dibuat oleh LZS (MAIS) dan PZM bagi memperkasakan zakat emas perhiasan di kedua-dua buah negeri. Ringkasnya, senarai individu yang ditemu bual adalah seperti berikut:

- 1) Y. Bhg. Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Rashid Redza Haji Md. Saleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Temubual pada 5 April 2013.
- 2) Mohd Fariz Abdul Razak, Eksekutif Penyelidikan Syariah, Lembaga Zakat Selangor. Shah Alam, Temu bual 20 Jun 2013.
- 3) Abdullah Ahmad Senin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Temubual 11 Mac 2014.
- 4) Mohd Nazri Abdul Majid, Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Buhuth, Jabatan Mufti Melaka. Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014.
- 5) Noorzakry Nor Jamal, Penolong Pengurus Bahagian Penyelidikan, Pusat Zakat Melaka (PZM) Temubual pada 13 Jun 2013.
- 6) Norazimah Mohd Rayes, Eksekutif Perancangan Strategik, Sektor Perancangan Korporat, Lembaga zakat Selangor (MAIS), Temubual pada 17 November 2014.

### **Kaedah Penganalisan Data**

#### a) Induktif

Metode ini adalah merupakan kaedah menganalisis data melalui pola berfikir dengan mencari bukti sesuatu perkara bermula dari perkara-perkara yang bersifat khusus membawa kepada yang bersifat umum. Dalam kajian ini, metode induktif diaplikasikan dalam memberi penjelasan berkaitan latar belakang masalah kajian iaitu

dengan menganalisis isu yang wujud dan menjelaskan konsep berkaitan '*urf* dan sebagainya.

b) Deduktif

Method deduktif pula adalah kaedah menganalisis data melalui pola berfikir dengan mencari bukti sesuatu perkara bermula dari perkara-perkara bersifat umum kepada perkara-perkara yang bersifat khusus. Dalam kajian ini, metode deduktif diaplikasikan bagi menganalisis data-data yang berkaitan dengan isu emas pakai bagi mendapat gambaran jelas mengenai penentuan '*urf*.

c) Metode Komparatif

Metode ini adalah pilihan penulis bagi membuat perbandingan terhadap maklumat yang diperolehi daripada LZS (MAIS) dan PZM seterusnya membuat kesimpulan dan penilaian merangkumi semua aspek yang melibatkan kajian. Penulis membuat perbandingan mengenai penafsiran berhubung isu penentuan kadar emas pakai yang melebihi kadar kebiasaan yang mesti dikeluarkan zakat bagi kedua-dua institusi.

## 1.7. KESIMPULAN

Berkaitan dengan itu, maka kajian ini akan mengkaji dengan lebih spesifik dan komprehensif mengenai konsep penentuan '*urf* bagi negeri Selangor dan Melaka yang telah dipraktikkan oleh LZS (MAIS) dan PZM. Kajian mengenai penentuan '*urf* sememangnya amat penting dan perlu diberi ruang yang besar bagi mengelak sebarang bentuk keraguan dan kekeliruan kepada masyarakat terhadap perbezaan kadar yang ketara antara negeri-negeri di Malaysia. Perbezaan kadar zakat bagi zakat fitrah antara negeri tidaklah memberi kesan yang besar kepada masyarakat kerana jumlah perbezaan tersebut hanyalah kecil dan usaha untuk menyelaraskannya pun semakin giat dijalankan. Manakala perbezaan nisab dari sudut perhiasan emas adalah sungguh ketara bagi negeri-negeri tertentu dibimbangi memberi kesan tidak baik kepada pemikiran masyarakat dan boleh menimbulkan persepsi yang negatif terhadap institusi agama di Malaysia.